

OBOR

BELIA

BUKU 20

PENGIKUT KRISTUS HARUS BERBEZA!



OBOR BELIA

Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penterjemah: Jacqueline Jose

Jacqueline adalah seorang Rungus dari Kudat yang menetap di Lahad Datu, Sabah. Merupakan pelajar ijazah perubatan di Monash University kampus Sunway, Jacqueline mula terlibat dalam penterjemahan melalui projek "101 Cerita-cerita dari Alkitab" terbitan Wawasan Penabur.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: Januari 2011

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com

Kulit Buku : Randy Singkee

Artis Ilustrasi : Yee Weng Chiang (Sesi 1-4) & Eugene Tan (Sesi 5-8)

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia
Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2011 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juar sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

I si Kandungan

| | |
|-------------------------------|--|
| 1 | Sebelum Anda Bermula |
| 4 | Mukadimah: Pengikut Kristus Harus Berbeza! |
| Lembar Kerja | |
| 6 | Sesi 1: Jalanlah Untuk 2 Kilometer Lagi |
| 10 | Sesi 2: Tujuh Puluh Kali Tujuh |
| 14 | Sesi 3: Hati Seorang Hamba |
| 18 | Sesi 4: Ada Yang Tidak Kena Dengan Orang Ini |
| 22 | Sesi 5: Anda Perisau? |
| 26 | Sesi 6: Cakap Benar Tapi Bohong? |
| 30 | Sesi 7: Satu Adalah Nombor Kesepian? |
| 34 | Sesi 8: Adakah Saya Buta Warna? |
| Panduan Pembimbing | |
| 39 | Sesi 1 |
| 44 | Sesi 2 |
| 50 | Sesi 3 |
| 55 | Sesi 4 |
| 59 | Sesi 5 |
| 64 | Sesi 6 |
| 70 | Sesi 7 |
| 76 | Sesi 8 |

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematis yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnunggi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenunggi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.



Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.



Objektif-Objektif Sesi

Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum mulakan pelajaran.



Pencetus Minat

Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.



Aktiviti Tambahan

Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

*** Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

*** Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

*** Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

*** Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Buku 20: Pengikut Kristus Harus Berbeza!

Mukadimah

Ada pepatah Afrika yang mengatakan, “Saya tidak dapat mendengar sepatah perkataanpun darimu kerana anda hanyalah satu jeritan yang kuat di telinga saya.” Kita boleh mendapatkan semua pengajaran dan ajaran-ajaran yang baik, tetapi jika kita hidup bukan menurut apa yang kita percaya, kita tidak akan ada mesej yang ingin disampaikan kepada seluruh dunia. Perkataan tidak mempunyai kuasa kecuali jika ia disertai oleh perbuatan untuk membuktikan bahawa ia adalah benar.

Dunia sentiasa memerhatikan orang-orang Kristian untuk melihat adakah kenyataan tentang apa yang kita perkatakan tentang Yesus itu dinyatakan dalam kehidupan sehari-hari kita. Satu cara yang berkuasa untuk menunjukkan kebenaran kepercayaan kita adalah melalui kehidupan kita. Apakah tanda-tanda yang membezakan orang-orang Kristian? Dalam cara apakah kita perlu menjalani kehidupan kita supaya bila orang lain melihat kita, mereka tidak dapat berbuat apa-apa kecuali mengakui bahawa ada sesuatu yang berbeza, bahawa memang benar Yesus adalah nyata.

Sesi 1-4 akan membincangkan empat ajaran Kristus yang melawan arus budaya kehidupan dunia. Apakah sikap kita tentang dendam dan pengampunan? Kenapa kita diajar untuk berkorban dalam membantu orang lain? Mengapa kita mesti terus memaafkan sehingga sampai tujuh puluh kali tujuh kali? Kenapa kita harus melayani dan bukan dilayani? Dan apa ertiinya hidup sebagai orang kudus?

Sebagai manusia biasa, orang Kristian juga tidak terkecuali dalam menghadapi pelbagai masalah baik rohani ataupun bukan. Bagaimana kita menghadapi masalah kerisauan? Atau kesepian? Adakah Tuhan akan membantu kita sesuai dengan janji FirmanNya? Sesi 5 dan 7 akan memberi bantuan kepada para muda-mudi dengan sumber rohani bagi menangani masalah keruncingan dan kesepian yang mereka hadapi.

Berbohong juga menjadi satu masalah yang lumrah di kalangan muda-mudi. Jadi kita harus faham bahawa biarpun berbohong mungkin diterima sebagai sebahagian daripada kehidupan oleh setengah budaya, tetapi pandangan Tuhan terhadapnya amat berbeza.

Sikap berprasangka terhadap sesuatu kaum ada di mana-mana sahaja kita pergi. Dalam masyarakat kita yang berbilang bangsa dan budaya, masalah perkauman harus ditangani kerana Tuhan mencipta kita sesuai dengan imejnya tanpa melihat latar belakang bangsa dan keturunan. Sesi 8 diharapkan akan dapat membantu para belia untuk menemukan sifat prasangka terhadap kaum yang wujud dalam diri mereka secara semula jadi.

“Tetapi kamu lah bangsa yang terpilih, imamat yang rajani, bangsa yang kudus, umat kepunyaan Allah sendiri, supaya kamu memberitakan perbuatan-perbuatan yang besar dari Dia, yang telah memanggil kamu keluar dari kegelapan kepada terang-Nya yang ajaib” (1 Petrus 2:9)

Jalanlah Untuk 2 Kilometer Lagi





Ayat Mas Alkitab

“ Tetapi Aku berkata kepadamu: Kasihilah musuhmu dan berdoalah bagi mereka yang menganiaya kamu. Karena dengan demikianlah kamu menjadi anak-anak Bapamu yang di sorga, yang menerbitkan matahari bagi orang yang jahat dan orang yang baik dan menurunkan hujan bagi orang yang benar dan orang yang tidak benar.” (Matius 5:44-45)

4



Kata-kata Mutiara

Yesus mengajar kita untuk menunjukkan kasih melalui membalaaskan kejahatan dengan kebaikan serta mengasihi musuh-musuh kita.



Aktiviti Bersama

Melihat Dunia

Dalam kumpulan 3-4 orang, carikan yang berikut dalam edisi surat khabar pada hari ini:

- Laporan tentang semua aktiviti tidak baik dan berbahaya yang dilakukan terhadap orang lain, contohnya jenayah, kes rogol, ragut dan lain-lain.
- Laporan tentang semua jasa baik yang dilakukan untuk membantu orang lain.

(i) Bandingkan jumlah jasa baik yang dilakukan untuk menolong orang lain dan jumlah perkara-perkara jahat yang dilakukan terhadap orang lain.

(ii) Perhatikan artikel tentang perbuatan baik yang telah dilakukan. Mana satu yang menunjukkan orang sanggup keluar dari kebiasaan mereka (atau melebihi kemampuan mereka) untuk membantu orang lain?



Renungan Firman Tuhan

1. Apa yang Yesus ajarkan tentang kasih? (Yohanes 15:13)
2. Apa yang Dia maksudkan dengan ‘memberi nyawanya kepada sahabat-sahabatnya’?
3. Bagaimana ajaran Yesus tentang balas dendam berbeza daripada yang dianut oleh dunia? (Matius 5:38-42)
4. Apa yang dimaksudkan Yesus dengan jalan untuk 2 kilometer lagi? (Matius 5:41)
5. Apa nasihat Petrus tentang membala dendam? (1 Petrus 3:9)
6. Apa kata Paulus tentang dendam? (Roma 12:4)
7. Ajaran Yesus tentang dendam sangat radikal. Apa yang diajarkan-Nya tentang musuh-musuh kita? (Matius 5:43-48)
8. Apa yang akan terjadi bila kita menunjukkan kasih kepada musuh-musuh kita? (Matius 5:45)



Renungan Peribadi

Jalanklah 2 Kilometer Bersamanya!

1. Dalam kumpulan 3-4 orang, fikirkan seseorang yang tidak begitu baik terhadap anda ataupun seseorang yang sukar untuk anda menyukainya.

2. Kongsiakan kenapa anda tidak suka orang itu, dan situasi apakah yang menyebabkan anda tidak suka dia? Anda tidak perlu memberitahu nama orang tersebut jika anda tidak mahu orang lain mengetahui siapakah dia.
3. Sebagai satu kumpulan, bantu satu sama lain untuk memikirkan cara agar anda dapat melakukan lebih daripada orang lain dalam melakukan sesuatu yang baik dan positif terhadap orang ini. Tuhan meminta anda berjalan 2 kilometer bersamanya!

Santapan Minda

“Pastikan bahawa anda membiarkan kasih karunia Allah bekerja dalam jiwa anda dengan menerima apa sahaja yang Dia berikan kepada anda, dan memberikan-Nya apa sahaja yang Dia telah ambil daripada anda. Kekudusan sejati termasuklah mengerjakan pekerjaan Tuhan dengan senyuman”

~ Mother Teresa of Calcutta (1910-1997)




Doa

Doakan antara satu sama lain dalam kumpulan supaya Tuhan akan memberikan anda kasih kurnia dalam menunjukkan kasihNya kepada orang-orang yang sukar untuk anda kasih. Berdoalah supaya anda akan berusaha sedaya upaya untuk patuh dalam hal ini dan orang lain dapat melihat kehidupan anda yang berbeza kerana anda adalah milik Yesus.



Tujuh Puluh Kali Tujuh





Ayat Mas Alkitab

Petrus datang kepada Yesus dan bertanya, "Ya Tuhan, jika saudaraku berdosa terhadap aku, berapa kaliakah harus aku ampuni dia? Sehingga tujuh kaliakah?" Yesus menjawab, "Bukan tujuh kali, tetapi tujuh puluh kali tujuh kali!" (Matius 18:21-22)



Kata-kata Mutiara

Tuhan memanggil kita untuk memaafkan orang lain dari segenap hati kita sama seperti Dia telah mengampuni kita dengan sepenuh kasih-Nya.



Aktiviti Bersama

Mari Lakonkannya

- i. Anda akan dibahagikan kepada dua kumpulan.
- ii. Satu kumpulan akan melakonkan **Matius 18:21-35** manakala kumpulan yang satu lagi akan melakonkan **Lukas 7:36-50**.
- iii. Jangan lupa sediakan tajuk untuk lakonan pendek anda.
- iv. Selepas semuanya selesai, kongsikan pendapat anda tentang apa yang cuba Yesus ajar melalui perumpamaan tersebut.



Renungan Firman Tuhan

1. Kenapa kita diajar untuk memaafkan kesalahan orang lain? (Matius 18:27, 33)
2. Ajaran Yesus lebih radikal. Sampai berapa kaliakah kita harus mengampuni orang lain? (Matius 18:21-22)
3. Apa maksud 'mengampuni sampai tujuh puluh kali tujuh kali'? (Matius 18:21)

4. Orang yang diampuni mengerti apa itu kasih. Apa yang Yesus katakan tentang itu? (Lukas 7:47)
5. Bagaimana itu dapat diterapkan dalam kehidupan kita?
6. Adakah bersedia untuk mengampuni itu satu tanda (*trademark*) seorang Kristian? Beri alasan anda.
7. Yesus juga memberi satu amaran jika kita tidak mengampuni. Apakah amaran itu? (Matius 18:35)

Santapan Minda

“Ingatlah: mengampuni orang lain bukan suatu pilihan bagi kita sebagai orang Kristian; ia adalah satu arahan dari Tuhan yang perlu menjadi sebahagian daripada kehidupan kita sebagai umat Tuhan.

~ Goh Kim Guat



Renungan Peribadi

Belajar Untuk Mengampuni

1. Ambil beberapa minit untuk memikirkan orang yang telah menyakiti kan hati atau menyebabkan kemarahan anda pada suatu ketika dahulu dan siapa yang anda belum benar-benar memaafkannya.
2. Bawakan dalam doa di hadapan Tuhan sama ada anda ingin mengampuni orang-orang tersebut atau tidak.
3. Kemudian tuliskan suatu nota pendek untuk Tuhan. Anda boleh memberitahu Tuhan bahawa anda mahu mengampuni orang-orang

ini dan meminta-Nya untuk membantu anda mengampuni dari hati.

4. Jika anda belum bersedia, anda juga boleh menulis kepada Tuhan dan meminta-Nya membantu anda untuk belajar mengampuni.



Doa

Berdoa untuk rahmat-Nya ke atas anda agar anda akan berusaha bersungguh-sungguh untuk belajar mengampuni orang-orang yang telah melukai anda. Berdoa juga agar Dia mencurahkan kuasa-Nya ke atas jiwa dalaman anda supaya anda boleh disembuhkan daripada sakit hati dan perkara-perkara negatif yang telah dilakukan terhadap anda.



Hati Seorang Hamba





Ayat Mas Alkitab

“Tetapi tidak demikian halnya dengan kamu. Jika seorang antara kamu hendak menjadi besar, dia harus melayani orang lain. Jika seorang antara kamu hendak menjadi yang pertama, dia harus menjadi hamba kamu semua. Anak Manusia tidak datang untuk dilayani; Dia datang untuk melayani orang serta menyerahkan nyawa-Nya untuk membebaskan banyak orang.” (Markus 10:43-45)



Kata-kata Mutiara

Yesus memanggil kita untuk menjadi hamba kepada orang lain sama seperti ketika Dia datang ke dunia untuk menjadi hamba kepada kita dan memberikan hidup-Nya demi kepentingan kita.



Aktiviti Bersama

Siapa Itu Hamba?

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan dua perkara ini:

❖ Apakah tugas hamba?



❖ Apakah ciri-ciri seorang hamba yang baik?



Renungan Firman Tuhan

1. Siapakah seorang hamba/pelayan?
2. Pada pendapat anda, kenapakah Yesus membasuh kaki murid-murid-Nya? (Yohanes 13:4-5)
3. Apakah yang Yesus cuba tunjukkan kepada pengikut-pengikut-Nya melalui apa yang telah dilakukan-Nya? (Yohanes 13:13-15)

4. Apa pula yang dianuti oleh dunia? (Markus 10:35-37)

5. Bagaimana Yesus mengajar untuk melawan arus dunia? (Markus 10:43-44)

6. Kenapakah kita harus mencontohi Yesus dalam sikap melayani? (Markus 10:45)

7. Siapa yang terutama sekali kita harus melayani? (Yohanes 12:26)

8. Siapa dua golongan orang yang kita diseru untuk melayani? (Galatia 5:13, 6:10)

9. Apakah sikap kita apabila kita melayani? (Yohanes 13:1-5)



Renungan Peribadi

Jika anda jujur, anda pasti akan setuju bahawa orang yang waras tidak mahu menjadi hamba/kuli/amah dan dilayani seperti seorang hamba! Tapi hari ini, Tuhan berkata kepada anda, **“tinggalkan pemikiran seperti itu”!**

Dia telah memanggil anda untuk melayani, bukan dilayani. Dia memanggil anda untuk memiliki sebuah hati yang sanggup melayani orang lain, rendah hati dan melayani dengan penuh kasih untuk kemuliaan nama-Nya.

- 💡 Dapatkan anda memberi satu contoh di mana anda telah melayani seseorang?

❖ Dapatkah anda fikirkan satu contoh di mana anda gagal melayani seseorang walaupun anda sedar akan keperluan orang itu pada waktu tersebut?

❖ Kenapa anda melayani yang satu, tetapi tidak melayani yang seorang lagi?

❖ ❖ Dapatkah anda fikirkan siapa yang dapat anda layani untuk minggu ini? Ia mungkin adik-beradik anda, ibubapa anda, kawan, 'musuh' dsbnya. Tuliskan namanya dan nyatakan apa yang anda akan lakukan untuknya pada minggu ini (contoh: mencuci pakaian, membasuh kasut, membersihkan rumah dsbnya).



Santapan Minda

“Menjadi hamba untuk orang lain bukanlah mudah...tetapi jangan putus asa, terutama sekali bila iannya menjadi semakin sukar. Inginlah Yesus yang telah melayani, bahkan kepada orang-orang yang membenci Dia. Allah ada berserta anda setiap masa, dan memperkuatkan anda untuk menjadi semakin seperti Yesus!”


~ Goh Kim Guat



Doa

Berdoalah agar Tuhan memberi anda sebuah hati seorang hamba. Berdoa juga supaya Tuhan akan bekerja di dalam hati anda dan memberikan anda kerendahan hati dan kesanggupan untuk melayani orang lain sama seperti Kristus yang telah melayani anda.

Ada Yang Tidak Kena Dengan Orang Ini





Ayat Mas Alkitab

“Kamu harus suci dan menjadi milik-Ku semata-mata, kerana Akulah Tuhan dan Aku suci. Aku sudah memisahkan kamu daripada bangsa-bangsa lain, supaya kamu menjadi milik-Ku semata-mata.” (Imamat 20:26)




Kata-kata Mutiara

Tuhan mengasingkan kita sebagai umat-Nya dan memanggil kita untuk menjadi kudus kerana Dia adalah kudus.



Aktiviti Bersama

Bincangkan apa yang terlintas di kepala anda bila anda mendengar/melihat perkataan “KUDUS”?



Renungan Firman Tuhan

1. Apa yang diajarkan oleh Allah dalam Perjanjian Lama tentang ‘kekudusan’? (Imamat 11:44-45)
2. Apa kata Firman Tuhan dalam Perjanjian Baru tentang kekudusan? (1 Petrus 1:14-16)

3. Apa sebenarnya maksud perkataan ‘kudus’? (Imamat 20:26)
4. Menurut Petrus, bagaimanakah kita harus hidup dalam memelihara kekudusan kita? (1 Petrus 1:14)
5. Bagaimanakah Alkitab menggambarkan kekudusan Allah? (Yesaya 6:1-7)
6. Apa yang dikatakan oleh Samuel tentang kekudusan TUHAN? (1 Samuel 2:2)
7. Pada pendapat anda, bagaimanakah kita pastikan supaya kita hidup kudus?



Renungan Peribadi

1. Apa yang anda ketahui tentang kehidupan yang kudus di dalam Yesus melalui petikan-petikan Alkitab di bawah ini?

| | |
|-----------------------|--|
| Efesus 4:20-32 | |
| Efesus 5:1-7 | |

Kolose 3:1-14

2. Bulatkan dua aspek dalam kehidupan kekudusan yang anda ingin laksanakan.

Santapan Minda

“Tidak ada jalan pintas menuju kekudusan. Tidak ada cara mudah untuk menakluk daging. Watak Kristian tentang pertumbuhan bukanlah satu rahsia atau formula. Pertumbuhan memerlukan masa. Hal ini juga melibatkan disiplin dalam doa, kajian, hati yang mencari, kepekaan terhadap Roh Kudus, dan ketataan yang konsisten. Ia harus selalu bermula dengan satu kesyukuran untuk kasih karunia Tuhan yang tak pernah berakhir, dan satu kebebasan yang berulang kali untuk kehidupan dalam kekudusan.”

~ John White



Doa

Berdoalah untuk satu sama lain supaya Tuhan memancarkan wajah-Nya ke atas anda dan teman-teman anda sewaktu anda bersungguh-sungguh untuk bertumbuh dalam kekudusan dan menjadi seperti-Nya.



Anda Perisau?





Ayat Mas Alkitab

“Serahkanlah segala kekhawatiran kamu kepada Allah, kerana Dia mengambil berat tentang kamu.”
(1 Petrus 5:7)



Kata-kata Mutiara

Tuhan memanggil kita untuk membawa segala kerisauan kita kepada-Nya dan menyerahkannya ke dalam tangan-Nya, dan tetaplah percaya bahawa Dia akan bekerja menurut kehendak-Nya.



Aktiviti Bersama

Apa Yang Merisaukan Saya?

Adakah anda seorang perisau? Adakah anda mendapati diri anda risau tanpa henti tentang banyak masalah yang sepertinya akan menghantui anda buat selama-lamanya? Cubalah semak senarai di bawah ini untuk mengetahui diri anda sendiri.

1. Tandakan bagi setiap perkara yang anda risaukan dari masa ke masa. Kemudian tandakan di sebelah perkara yang anda risaukan sekarang.

- Bagaimana rupa saya
- Apa yang kawan-kawan fikir tentang saya
- Hubungan saya dengan Tuhan
- Masalah kesihatan
- Jerawat di muka saya
- Masalah dengan ibu bapa saya
- Tidak mempunyai ramai kawan
- Masa depan saya
- Apa yang guru/boss/pemimpin fikir tentang saya
- Gred sekolah saya
- Prestasi saya yang tidak baik di sekolah/tempat kerja
- Tidak mempunyai cukup duit
- Tidak mempunyai kekasih
- Masalah dengan keluarga saya
- Tidak begitu cerdik
- Lain-lain _____
- _____



2. Adakah anda menganggap apa yang anda tandakan tadi suatu kerisauan yang besar? Cuba anda menyenaraikannya di dalam ruang di bawah ini:

| Masalah yang memeningkan! | Tidak begitu buruklah! |
|---------------------------|------------------------|
| | |

3. Tandakan 'X' di sebelah perkara yang sesuai untuk menggambarkan anda.

Semakin saya berasa risau akan sesuatu.....

- semakin teruk jadinya semakin saya menjadi kecawa
- semakin saya susah tidur semakin kusut fikiran saya
_____ (isikan sendiri)

4. Bagaimanakah anda dapat menghapuskan kerisauan anda?



Renungan Firman Tuhan

1. Perkara apakah yang biasanya membuat orang risau? (Matius 6:28 -31)
2. Ada juga yang risau tentang berbicara di hadapan musuh. Apa janji Yesus tentang itu? (Matius 10:19-20)
3. Apa janji Allah kepada yang percaya akan Dia? (Yeremia 17:8-9)

4. Apabila kita risau, bagaimana kita harus menanganinya? (1 Petrus 5:7)

5. Mengapakah kita boleh merasa lega jika kita bawa segala kekhawatiran kita kepada Tuhan? (Matius 10:29-31)

6. Paulus mengajar kita supaya jangan gelisah. Apa yang harus kita lakukan dengan segala keruncingan kita? (Filipi 4:6-7)

7. Apa yang harus kita yakini bila kita bawa semua masalah kepada Tuhan? (Roma 8:28)

8. Menurut ayat Roma 8:28, adakah Tuhan akan menyelesaikan semua masalah kita bila kita bawa dan serahkan kepada-Nya? Mengapa?



Renungan Peribadi

Dalam kumpulan 3-5 orang, bincangkan bersama-sama bagaimana anda dapat menangani kerisauan yang anda telah tandakan/tuliskan di soalan 2 **Aktiviti Bersama**:

A large, irregular oval outline intended for handwritten responses.

Doa

Berdoalah untuk diri anda dan teman-teman anda, terutama untuk perkara-perkara yang meruncingkan fikiran anda/teman-teman anda pada saat ini.

Cakap Benar Tapi Bohong?





Ayat Mas Alkitab

“TUHAN membenci pendusta, tetapi Dia berkenan kepada orang yang menepati janji.”
(Amsal 12:22)



Kata-kata Mutiara

Sebagai umat Allah, kita dipanggil untuk menahan diri dari berbohong. Allah benci akan pembohongan. Kita berdosa terhadap Allah bila kita berbohong.



Aktiviti Bersama

Dalam kumpulan empat atau lima orang, jawab soalan-soalan berikut:

- ❖ Sekiranya anda disambungkan kepada satu alat pengesan bohong, adakah anda bersetuju untuk menjawab apa sahaja soalan yang ditanya oleh ibu bapa anda? Bagaimana pula dengan apa-apa soalan yang ditanya oleh pembimbing kelompok sel atau pastor anda?

- ❖ Berikan alasan anda mengapa anda akan atau tidak akan patuh kepada penggunaan alat pengesan bohong itu.

Bincangkan soalan-soalan berikut:

- ❖ Apakah yang terlibat dalam pembohongan? Adakah terdapat jenis-jenis pembohongan yang berbeza?

- ❖ Pada pendapat anda, mengapakah orang memilih untuk berbohong?



Renungan Firman Tuhan

1. Apa akibat sekiranya kita selalu berbohong? (Amsal 26:21-26)
2. Apa kesan dusta dan bohong dalam doa kita? (Mazmur 66:18-19)
3. Mengapakah Tuhan menghukum Ananias & Safira? (Kisah Para Rasul 5:1-11)
4. Allah benci akan dusta kerana karakter-Nya adalah kebenaran. Apa kata Bilangan 23:19 tentang itu?
5. Alkitab mengajar kita jika kita berbohong kita berdosa kepada siapa? (Amsal 19:19)
6. Apa nasihat Paulus dalam hal ini? (Kolose 3:9)



Renungan Peribadi

- i. Fikirkan apa yang dimaksudkan dengan menjalani kehidupan yang bebas daripada bohong. Ia meliputi bukan sahaja bercakap bohong secara terang-terangan tetapi juga bercakap bohong untuk tujuan kebaikan, menyembunyikan kebenaran dan bercakap separuh benar.
- ii. Tuliskan orang yang selalu anda berbohong atau situasi yang menyebabkan anda terpaksa berbohong.
- iii. Kemudian tuliskan secara spesifik tindakan atau tindakan-tindakan yang anda akan ambil untuk menghentikan diri daripada mengulangi tabiat berbohong ini.

| Siapa/Situasi | Tindakan apa yang perlu diambil untuk menghentikan ini? |
|--|---|
| Orang yang selalu saya bohongi | |
| Situasi yang menyebabkan saya terpaksa berbohong | |

Santapan Minda

“Dosa mempunyai banyak alat, tetapi kebohongan adalah alat pemegang yang dapat menyesuaikan kesemua mereka.”

~ Oliver Wendell Holmes, Jr



Doa

Bawakan senarai yang anda telah tuliskan tadi di hadapan Allah dan minta dariNya mengampuni anda kerana tabiat suka bercakap bohong. Berdoalah agar Dia akan membantu anda untuk menghentikan tabiat ini. Mintalah supaya Roh Kudus akan mengingatkan anda setiap kali anda tergoda untuk berbohong. Dan sekiranya anda gagal, percayalah bahawa Roh Kudus pasti akan terus mendorong anda untuk bangkit dan mencuba sekali lagi.



Satu Adalah Nombor Kesepian?





Ayat Mas Alkitab

“Aku melihat ke sampingku, tiada sesiapa pun yang dapat menolong aku; tiada seorang pun yang melindungi aku. Tiada seorang pun yang mempedulikan aku. Ya TUHAN, aku berseru minta tolong kepada-Mu, Engkaulah pelindungku, Engkau sahaja yang aku perlukan dalam hidup ini.”

4



Kata-kata Mutiara

Kesepian adalah secara dalaman merasakan diri berkeselorangan. Ia tidak ada kaitan dengan apabila seseorang itu bersendirian.



Aktiviti Bersama

Satu Adalah Nombor Kesepian

Lihat pada senarai perkataan di bawah. Gariskan mana-mana perkataan yang benar-benar menggambarkan apa yang dimaksudkan dengan kesepian pada anda.

| | | | |
|------------|-------------------|--------------|--------------|
| KESEDIHAN | DIAM/TIDAK BISING | PENOLAKAN | KESENGSARAAN |
| KEBOSANAN | KESAKITAN | KEPILUAN | KETAKUTAN |
| KEKECEWAAN | KEDAMAIAN | BERSENDIRIAN | LUKA HATI |

Adakah anda mempunyai apa-apa perkataan lain yang dapat anda fikirkan? _____

Kesepian adalah satu perasaan yang ganjil. Ia bukan sahaja timbul apabila anda bersendirian. Banyak orang boleh bersendirian tetapi tidak berasa kesepian. Pada masa yang sama, ia tidak bermaksud anda tidak akan kesepian walaupun anda dikelilingi banyak orang!

Adakah anda juga mengalami kesepian? Tandakan X di ruang yang benar-benar menggambarkan bagaimana anda rasakan.

| Penyataan | Ya, itu saya! | Tidak, bukan pengalaman saya. |
|--|---------------|-------------------------------|
| Berasa sendirian walaupun saya berada dalam satu kumpulan rakan-rakan | | |
| Sedar bahawa saya tidak dapat mencari seseorang yang benar-benar memahami saya | | |

| Penyataan | Ya, itu saya! | Tidak, bukan pengalaman saya. |
|--|---------------|-------------------------------|
| Merasakan jauh di lubuk hati tiada seorang pun yang mengetahui atau peduli jika saya tiada | | |
| Tertanya-tanya adakah saya akan menjumpai seseorang yang akan menerima saya seadanya | | |
| Merasakan bahawa saya tidak serasi dengan rakan-rakan saya dan tidak boleh berkongsi tentang diri saya kepada mereka | | |
| Mendapati diri saya selalu bersendirian samada di sekolah, tempat kerja mahu pun di rumah | | |
| Mendapati ia sukar untuk berkongsi perkara-perkara yang mendalam tentang diri saya dengan ahli keluarga | | |
| Rasa sangat resah dan sedih apabila saya bersendirian | | |



Renungan Firman Tuhan

1. Baca Mazmur 142, dan tuliskan temuan anda:

(a) Apakah sebab utama Daud berseru kepada Tuhan?

(b) Apakah jenis emosi yang sedang ditempuhi oleh Daud?

(c) Apakah yang dapat kita pelajari darinya tentang bagaimana kita harus bertindak balas terhadap ketakutan dan kesunyian kita?

2. Bagaimanakah seseorang yang kesepian melihat dirinya? (Mazmur 142:7)

3. Apabila kita kesepian dan merasakan tidak ada orang yang peduli akan kita, apakah penawar yang kita dapat pelajari daripada Mazmur 142?
 - (a) Respon Tuhan bila kita berpaling kepada-Nya (ayat 1-3)

 - (b) Janji Allah bila kita serahkan kesepian kita kepada-Nya (ay. 4)

 - (c) Tindakan Allah bila kita serahkan kesepian kita kepada-Nya (ayat 6-7)



Renungan Peribadi

Dengan merujuk kepada Aktiviti Bersama, dan setelah anda mengenal pasti beberapa daripada perasaan anda, adakah anda berfikir anda sedang menderita kerana kesepian? Tandakan:

Sangat kerap? Kadang-kadang? Langsung tidak?

Bagaimanakah anda dapat mengatasi masalah kesepian ini?



Doa

Berdoalah satu sama lain atas apa yang telah dikongsikan oleh anda dan kawan-kawan anda. Minta kepada Tuhan agar anda belajar untuk mencari kepuasan hati di dalam-Nya dan sedar bahawa Dia selalu ada bersama anda biarpun di kala anda berada dalam kesepian.

Adakah Saya Buta Warna?





Ayat Mas Alkitab

Hal itu berlaku bagi semua orang, kerana tidak ada perbezaan antara orang Yahudi dengan orang bukan Yahudi. Allah yang satu itu Tuhan semua orang. Dia melimpahkan berkat-Nya kepada semua orang yang meminta pertolongan-Nya. Di dalam Alkitab juga tertulis, "Setiap orang yang berseru kepada Tuhan akan diselamatkan." (Roma 10:12-13)



Kata-kata Mutiara

Se semua manusia, tidak kira apa pun bangsa dan keturunan mereka, semuanya diciptakan menurut rupa Allah dan oleh itu semuanya sama di mata Allah.



Aktiviti Bersama

Adakah aku Prejudis?

Dalam kumpulan 4-5 orang, bincangkan:

- Apakah sikap & perasaan anda terhadap bangsa-bangsa lain di dalam negara ini? Berikan alasan anda.
- Apakah perasaan ibu bapa anda? Terangkan mengapa anda berfikir bahawa mereka berperasaan sebegini.
- Apakah respon anda apabila anda bersemuka dengan mereka?



Renungan Firman Tuhan

HUBUNGAN BANGSA DALAM ALKITAB

1. Tujuan Asal Allah

- Baca Kejadian 1:27

- (a) Pada pendapat anda, apakah niat asal Allah semasa Dia mencipta manusia?

- (b) Berdasarkan Kejadian 1:27, adakah anda berpendapat bahawa manusia diciptakan tidak sama kerana mereka mempunyai bangsa yang berbeza? Berikan sebab bagi jawapan anda.

2. Tujuan Allah Berterusan

Walaupun Allah telah memilih dan memisahkan orang-orang Israel untuk menjadi umat-Nya yang istimewa, Dia tetap mengingatkan mereka tentang bagaimana mereka harus melayani orang yang tidak sebangsa dengan mereka.



Baca Bilangan 15:15-16

- (a) Bagaimanakah Allah melihat orang-orang asing atau sesiapapun yang bukan berasal daripada keturunan Abraham?

- (b) Bagaimanakah Allah memerintah umat-Nya untuk melayani orang daripada bangsa-bangsa lain?

3. Tujuan Penyelamatan Allah



Baca Roma 10:11-13

- (a) Untuk siapakah berita baik tentang penyelamatan Allah?

- (b) Apakah sebab yang diberikan oleh Paulus untuk hal ini?



Renungan Peribadi

Fikirkan apakah sikap anda terhadap orang yang berlainan bangsa dan keturunan dalam komuniti anda, contohnya di sekolah, tempat kerja, jiran tetangga, dan lain-lain.

➲ Apakah yang anda harus ubah tentang sikap-sikap anda?

➲ Langkah-langkah positif apakah yang boleh anda ambil?

Apakah yang Anda Fikirkan?

Tuliskan dalam perkataan anda sendiri tentang apa yang anda percaya Allah akan katakan kepada seseorang yang berprasangka terhadap orang yang bangsa/suku/keturunan yang lain?



Doa

1. Berdasarkan dengan apa yang telah dikongsikan, kenal pasti pelbagai perkara yang boleh didoakan. Sebagai contoh, bangsa tertentu, sifat-sifat umum, sifat-sifat generasi terdahulu, pergelutan terhadap ketidakadilan, respon masyarakat Kristian, dan lain-lain. Pilih kumpulan-kumpulan berbeza untuk berdoa bagi setiap keperluan yang berlainan.
2. Serahkan setiap orang dan seluruh komuniti Kristian di dalam negara kepada Tuhan. Berdoalah agar Dia akan terus mengajar umat-Nya untuk melihat di sebalik warna kulit dan belajar untuk mengasihi dan menerima orang dari pada bangsa berlainan agar kita boleh menjadi saksi-Nya yang benar.

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Jalanlah Untuk 2 Kilometer Lagi



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa mereka dipanggil untuk menjalani kehidupan yang akan menjadi tanda mereka adalah berbeza kerana mereka adalah umat Tuhan.
2. Mempelajari salah satu tanda perbezaan bagi orang Kristian adalah kasih yang mengalahkan kejahatan dengan kebaikan.
3. Memikirkan tentang seseorang yang boleh mereka tunjukkan kasih ini.



Pencetus Minat

Beri Bantuan

(Bahan yang diperlukan: Tali)

1. Tujuan aktiviti ini adalah untuk melihat siapa di antara para peserta yang sanggup berbuat sesuatu melebihi orang lain dalam menolong rakan-rakan mereka untuk melepassi tali yang terikat di atas mereka.
2. Alikan semua kerusi ke tepi.
3. Ikatkan seutas tali kira-kira $1\frac{1}{2}$ m (4-5 kaki) dari tanah. Ia boleh diikatkan pada mana-mana dua objek di dalam bilik yang tidak dapat digerakkan, seperti tiang atau tingkap.
4. Semua ahli kumpulan perlu bekerja sebagai satu pasukan untuk memastikan setiap orang dapat melepassi tali.
5. Sekiranya kumpulan itu terlalu besar, bahagikan mereka kepada dua atau lebih kumpulan yang terdiri daripada 8-10 orang. Ia juga boleh dijadikan sebagai satu pertandingan, kumpulan yang menang adalah kumpulan yang mengambil masa paling pendek untuk melepassi tali ataupun kumpulan yang mempunyai ahli terbanyak yang dapat melepassi tali tanpa menyentuhnya.
6. Semua ahli perlu berdiri di sebelah tali kecuali si ‘penangkap’. Tugasnya adalah untuk menolong orang melepassi tali.
7. Tiada sesiapapun yang dibenarkan untuk melalui di bawah tali atau bergayutan pada tali.
8. Setelah melepassi tali, orang tidak boleh kembali kepada tempat asal untuk menolong ahli lain untuk melepasinya.
9. Sekiranya anda berfikir para peserta kekurangan tenaga, anda boleh mengikat tali itu lebih rendah tetapi jangan terlalu rendah sehingga tidak ada cabaran bagi para peserta!



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Melepasi di atas tali adalah satu tugas yang berat, bukan?
2. Untuk melakukannya, anda perlu memikirkan cara yang terbaik untuk menolong semua orang. Kemudian anda perlu saling menolong dan memberi untuk membantu rakan-rakan lain melepasi tali.
3. Untuk mencapai tujuan itu, beberapa orang daripada anda (*anda mungkin mahu menyebut nama mereka*) perlu melakukan lebih daripada orang lain. (*Terangkan apa yang telah mereka lakukan*)
4. Sekiranya beberapa orang ini tidak menawarkan belakang atau tenaga otot mereka, sudah tentu anda yang lain tidak dapat lepas.
5. Mereka keluar dari kebiasaan mereka untuk menolong yang lain bagi melepasi tali.
6. Selalunya dalam kehidupan seharian kita, tidak ramai antara kita yang sanggup keluar dari kebiasaan kita untuk menolong orang lain. Biarpun untuk rakan-rakan dan ahli-ahli keluarga kita, kita selalunya hanya akan menolong mengikut keselesaan kita. Biasanya kita akan berfikir dua kali jika apa yang kita lakukan untuk menolong memerlukan sedikit pengorbanan dari diri kita.
7. Sekiranya kita berasa sangat susah untuk memberi pertolongan yang lebih kepada rakan-rakan dan keluarga, bagaimana pula kepada orang yang kita tidak suka atau yang berbuat jahat terhadap kita? Adakah anda akan keluar dari kebiasaan anda untuk membantu ataupun berbuat baik kepada mereka?
8. Beberapa sesi yang akan kita pelajari bersama adalah tentang apakah yang menjadikan seseorang itu menonjol sebagai orang Kristian. Ia berkisar tentang apa yang seorang Kristian perlu lakukan dalam kehidupannya supaya apabila orang lain memandangnya, mereka akan segera sedar bahawa dia adalah berbeza daripada mereka.

B. Cara Dunia

1. Seperti yang telah anda lakukan dalam melihat kes-kes perbuatan baik dan jahat dalam surat khabar hari ini, kita boleh melihat cara dunia ini bekerja.
2. Sebagai manusia, kita mempunyai sifat mementingkan diri sendiri dan kedekut. Kebanyakan daripada kita lebih mengambil berat tentang diri sendiri berbanding orang lain.

3. Jika anda melihat orang di sekeliling anda, ataupun jika anda membaca akhbar atau majalah tentang apa yang telah berlaku di seluruh dunia, anda akan mendapati bahawa sudah menjadi lumrah manusia yang jahat lebih banyak daripada orang yang baik. Secara umumnya, mereka lebih mementingkan diri sendiri daripada berbuat baik.
4. Diri sendiri dan keluarga merupakan perkara utama yang dititikberatkan sebelum mereka berfikir tentang orang lain.
5. Sekiranya anda melihat sesebuah perperangan yang sedang berlaku di dunia, anda akan menyaksikan sikap mementingkan diri sendiri bahkan dalam kerajaan. Tujuannya adalah cuba mendapatkan apa yang mereka mahu dan perlukan, walaupun ia akan mengorbankan orang lain atau bangsa-bangsa lain.
6. Inilah bahagian yang Alkitab nyatakan sebagai dosa. Sifat mementingkan diri sendiri; tidak mahu melihat keperluan orang lain terlebih dahulu merupakan inti dosa manusia.
7. Walau bagaimanapun, Yesus telah memanggil kita untuk menjalani kehidupan yang sememangnya bertentangan dengan cara dunia. Cara dunia adalah sifat mementingkan diri sendiri; cara Yesus pula adalah _____? (Beri mereka peluang untuk respon)
8. (*Suruh mereka buka Yohanes 15:13 dan bacakan dengan suara kedengaran bersama-sama*)
9. Yesus sendiri telah menunjukkan kepada kita apa itu kasih dengan mati untuk kita biarpun kita tidak layak untuk mendapatkan kasih-Nya. Ia adalah kasih yang sama yang Dia mahu kita miliki dalam kehidupan kita – kasih yang tidak memikirkan tentang diri sendiri, tetapi sanggup berkorban untuk orang lain.
10. Mari kita lihat bagaimana Yesus telah memanggil kita untuk meletakkannya sebagai suatu kebiasaan dalam kehidupan kita.

C. Cara Kasih

1. Kasih Tidak Membalas Dendam (Matius 5:38-42)

- a. Yesus berkata kepada orang-orang Yahudi bahawa biarpun mereka diperbolehkan untuk membala perbuatan orang lain terhadap mereka, Dia akan mengajar sesuatu yang lebih radikal daripada itu.

Nota: Prinsip membala dendam (*lex talionis*) diambil dari Keluaran 21:22 dan ayat seterusnya. Ia telah diberikan oleh Allah sebagai suatu sekatan terhadap dendam yang tidak berkesudahan, kebiasaan yang tersebar luas dalam kod undang-undang bagi bangsa-bangsa lain pada waktu itu. Ia tidak diberikan untuk menggalakkan

orang-orang Yahudi membalas dendam. Walau bagaimanapun, Yesus telah berkata bahawa kini, hukum Perjanjian Lama ini harus membahaskan prinsip kasih karunia.

- b. Anda telah dipanggil Tuhan bukan untuk membalas dendam terhadap kejahatan yang telah dilakukan terhadap anda. (*Baca tentangnya dalam 1 Petrus 3:9*)
- c. Sebaliknya, anda harus membalas kejahatan dengan kebaikan. Sekiranya anda dicaci, anda akan memilih untuk memberkati. Jika anda dibenci, anda akan cuba untuk mengasihi. Hal ini, kata Petrus, adalah apa yang Tuhan mahu kita lakukan.
- d. (*Suruh mereka buka Roma 12:14,17-21. Minta seseorang untuk membaca petikan tersebut*)
- e. Paulus berkata bahawa anda harus meninggalkan dendam di dalam tangan Tuhan. Tugas anda adalah untuk melakukan lebih daripada orang lain dalam mengatasi kejahatan dengan kebaikan.
- f. Apabila anda disuruh untuk melakukan hal sedemikian, kehidupan anda akan lebih menonjol kerana ia jauh berbeza dengan apa yang orang lain sangkakan.

2. Kasih Tidak Membenci Musuh-musuh (Matius 5:43-48)

- a. Yesus berkata bahawa anda dipanggil bukan sahaja untuk mengasihi jiran-tetangga anda. Dia mahu anda menunjukkan kasih yang sama terhadap musuh-musuh anda.
- b. Siapakah orang-orang yang anda anggap sebagai musuh anda? (*Biar mereka respon*)
- c. Musuh-musuh kita biasanya adalah orang-orang yang bukan sahaja tidak menyukai kita, malah mereka juga melakukan sesuatu perkara yang bertujuan untuk menyakitkan hati kita. Orang-orang seperti inilah yang biasanya paling kita benci, mahu kenakan kembali atau mengelak diri daripada mereka.
- d. Yesus berkata sekiranya anda hanya mengasihi orang yang mengasihi dan baik kepada anda, anda tidak ada bezanya dengan orang lain di sekeliling anda. Biasanya manusia tidak mempunyai masalah untuk mengasihi orang yang menunjukkan perasaan yang sama terhadap mereka. Orang yang jahat turut melakukan hal yang sama.

- e. Dengan mengasihi musuh-musuh anda, orang yang jahat terhadap anda dan orang-orang yang paling tidak anda sukai, anda akan tampil berbeza. Anda akan menjadi seperti Bapa Syurgawi yang menunjukkan kasih-Nya dan belas kasihan kepada yang baik dan yang jahat.
- f. Oleh itu, anda perlu melakukan perkara yang sama kepada musuh-musuh anda sama seperti yang anda lakukan terhadap rakan-rakan anda. Anda harus melakukan lebih daripada orang lain dalam cuba berbuat baik biarpun mereka sangat jahat terhadap anda.
- g. Dengan cara demikian, anda akan menjadi sempurna dalam kasih anda, sama seperti Tuhan yang sempurna.



Doa

Doakan antara satu sama lain dalam kumpulan supaya Tuhan akan memberikan mereka kasih kurnia dalam menunjukkan kasih-Nya kepada orang-orang yang sukar untuk mereka kasih. Berdoalah supaya mereka akan berusaha sedaya upaya untuk patuh dalam hal ini dan orang lain dapat melihat kehidupan mereka yang berbeza daripada yang lain.

Sesi 2 : Tujuh Puluh Kali Tujuh



Objektif-Objektif Sesi

1. Mempelajari bahawa Tuhan memanggil mereka untuk mengampuni orang yang bersalah terhadap mereka sama seperti Dia telah mengampuni dosa-dosa mereka.
2. Menyedari bahawa sebanyak mana mereka telah diampunkan dan sedar bahawa mereka juga harus memaafkan sebanyak itu.
3. Mengambil langkah-langkah praktikal untuk memaafkan orang yang belum lagi mereka maafi.



Pencetus Minat

Permainan: Kembali Kepada Anda

Tujuan permainan ini adalah untuk membuatkan kumpulan lawan ‘dipukul keluar’.

1. Alihkan semua kerusi ke tepi.
2. Bahagikan para peserta kepada tiga atau lebih kumpulan.
3. Minta setiap kumpulan untuk melantik seorang kapten.
4. Pastikan setiap kumpulan berada di tempat berbeza di dalam bilik itu.
5. Terangkan bahawa setiap kumpulan harus memilih satu jenis sukan atau permainan bersama aksi yang berkaitan, contohnya, bola sepak – tendang, hoki – pukul; dan lain-lain. Nama sukan mesti mempunyai dua suku-kata.
6. Kapten bagi setiap kumpulan akan mengetuai sorakan atau nyanyian kumpulan mereka. Dia juga akan memutuskan kumpulan mana yang ingin dilawannya. Apabila suatu kumpulan telah dicabar, kapten kumpulan tersebut perlu mengulang sorakan kumpulan mereka dan mencabar kumpulan lain untuk meresponi mereka.
7. Setiap kali mereka menjeritkan sorakan mereka, mereka harus melakukan aksi yang berkaitan, contohnya, jika mereka menjerit, “Bola sepak, tendang”, mereka harus melakukan gaya “menendang”.
8. Kumpulan yang teragak-agak apabila dicabar, atau tidak dapat mengeluarkan sorakan kumpulan baru yang akan dicabar, akan ‘dipukul keluar’.
9. Sebagai contoh, bayangkan anda mempunyai tiga kumpulan yang telah memilih sukan-sukan berikut: bola sepak, tendang; hoki, pukul; tenis, hayun.

10. Katakanlah kumpulan bola sepak dipilih untuk memulakan permainan. Kapten harus segera bertukar fikiran dengan ahli kumpulannya untuk memutuskan kumpulan mana yang ingin mereka cabar. Pada masa yang sama, kumpulan-kumpulan lain harus menyediakan strategi mereka tentang kumpulan mana yang mereka ingin cabar dan bagaimana mereka ingin memanggil kumpulan tersebut.
11. Katakanlah kumpulan bola sepak telah memutuskan untuk mencabar kumpulan hoki. Jadi, mereka pun mula bersorak, "Bola sepak tendang, bola sepak tendang, bola sepak tendang ke hoki pukul!" Setiap kali mereka menyebut perkataan aksi seperti 'tendang' dan 'pukul', semua ahli kumpulan perlu melakukan gaya secara spontan. Sekiranya salah seorang ahli kumpulan melakukan gaya yang salah atau membuat sorakan yang salah, kumpulan itu akan keluar.
12. Selepas itu, kumpulan hoki bertindak dengan segera. Mereka harus meneruskan irama nyanyian. Katakan mereka memilih untuk mencabar kumpulan tenis. Maka seluruh ahli kumpulan harus segera memberikan respon, "Hoki pukul, hoki pukul, hoki pukul ke tenis hayun!" Jika mereka teragak-agak dan memutuskan irama nyanyian ataupun mereka gagal bertindak dengan segera, mereka akan keluar.
13. Untuk mengelirukan kumpulan lain, sebenarnya mereka boleh menyebut kembali nama kumpulan mereka sendiri ataupun nama kumpulan yang mencabar mereka sebentar tadi. Walau bagaimanapun, irama nyanyian harus sentiasa sama – sebut nama kumpulan mereka dua kali, ketiga kali sebut nama kumpulan mereka dan yang keempat kali sebut nama kumpulan yang ingin mereka cabar.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Dalam permainan yang telah anda mainkan, tujuan utama anda adalah untuk cuba mengalahkan kumpulan yang telah mencabar anda ataupun mengelirukan kumpulan-kumpulan lain.
2. Dalam permainan sebegini, tiada istilah berbelas kasihan kepada pihak lawan.
3. Untuk menang, strateginya adalah cuba mengalahkan pihak lawan dengan terus-menerus 'menghentam' mereka sehingga mereka melakukan kesilapan.
4. Permainan ini dimainkan dengan setiap kumpulan saling cuba mengenakan antara satu sama lain sehingga salah satu kumpulan menang. Dan tiada belas kasihan ditunjukkan!
5. Hal ini juga adalah sejenis situasi yang sering berlaku dalam

kehidupan kita. Biasanya, apabila orang melakukan sesuatu yang mengenakan orang lain, yang menyakitkan hati atau membuatkan mereka marah, reaksi mangsa adalah untuk membala perbuatan mereka.

6. Manusia suka membala dendam dan melakukannya sama seperti yang telah mereka hadapi.
7. Kita telah belajar dalam Sesi 1 bahawa Yesus memanggil kita untuk tidak membayar kejahanat dengan kejahanat. Kita harus melakukan lebih daripada orang lain dalam cuba menunjukkan kasih kepada orang-orang yang merupakan musuh kita.
8. Terdapat satu perkara yang penting sama seperti kasih yang Yesus muhi kita miliki terhadap mereka yang tidak melayan kita dengan baik.

B. Mengampuni Dan Menyenangkan Tuhan

Dari lakonan yang telah dijalankan oleh kedua kumpulan tadi, kita dapat mempelajari bahawa:

1. Kehidupan Anda Adalah Kehidupan Yang Diampuni

- a. Apakah situasi yang dihadapi oleh hamba di dalam perumpamaan dari petikan Matius? (*Biar mereka respon*)
- b. Dia berhutang dengan raja sebanyak sepuluh ribu talenta. Mungkin jumlah itu sama dengan berjuta-juta ringgit dalam mata wang kita sekarang (*satu talenta adalah bersamaan dengan upah buruh yang bekerja selama 15 tahun*). Walau bagaimanapun, raja mengasihani dia. Dia tidak menjual hamba itu dan seluruh keluarganya untuk menjelaskan hutangnya, tetapi raja tersebut telah melunaskannya dan membebaskan dia.
- c. Walaupun dia telah berhutang sejumlah wang yang besar kepada raja, hutang yang dia sememangnya tidak mempunyai harapan untuk melunaskannya, dia telah dikasihani dan dibebaskan.
- d. Bagaimanakah hal ini menyerupai situasi kita di hadapan Tuhan? (*Biar mereka respon*)
- e. Yesus berkata bahawa kita sama seperti hamba ini dan Tuhan adalah seperti raja tersebut. Disebabkan dosa-dosa kita, kita tidak mempunyai harapan untuk kembali kepada Tuhan. Walau bagaimanapun, Tuhan telah mengasihani kita. Dia telah mengampunkan semua dosa kita agar kita dapat masuk ke dalam kerajaan-Nya dan menjadi anak-anak-Nya.
- f. Seperti hamba itu, kita adalah manusia yang telah diberikan belas kasihan dan pengampunan oleh Tuhan.

2. Kehidupan Anda Adalah Kehidupan Yang Mengampuni

- a. Walaupun telah mendapat belas kasihan dari raja, apakah yang telah dilakukan oleh hamba itu? (*Biar mereka respon*)
- b. Walaupun hamba itu telah diampuni, dia tidak mahu mengasihani orang lain yang telah berhutang sejumlah wang yang sedikit berbanding wang yang telah dihutangi oleh hamba itu kepada raja. Raja menegurnya kerana gagal menunjukkan belas kasihan dan memasukkannya ke dalam penjara.
- c. Apakah yang Yesus ajar melalui perumpamaan ini? (*Biar mereka respon*)
- d. Yesus berkata bahawa seperti mana Tuhan telah mengasihani kita dengan mengampunkan dosa-dosa kita, Dia juga mahu kita menunjukkan sikap belas kasihan dan mengampuni yang sama terhadap orang lain.
- e. Apabila Yesus berkata kepada Petrus untuk mengampuni sesiapa yang telah bersalah terhadapnya sebanyak 70×7 kali, Dia tidak memberitahu kita sebanyak berapa kali kita harus mengampuni orang lain. Dia sebenarnya memberitahu kita pengampunan yang harus kita lakukan. Ia harus benar-benar dilakukan sepenuhnya. Kita perlu mengampuni orang yang berdosa kepada kita dengan sepenuh hati.
- f. Jumlah kali itu tidak penting. Kita harus mengampuni sama seperti Tuhan yang benar-benar telah mengampuni kita pada setiap masa.
- g. Apakah yang telah diajarkan dalam perumpamaan di dalam Injil Lukas tentang bagaimana kita perlu memberikan pengampunan yang sebenar-benarnya? (*Biar mereka respon*)
- h. Dalam perumpamaan di dalam Injil Lukas, Yesus memberitahu kita bahawa sebanyak mana kita sanggup mengasihai Tuhan dan orang lain bergantung kepada sebanyak mana kita sedar yang kita telah diampuni Tuhan. Ia sama seperti jika kita sedar betapa kita tidak layak untuk diberikan peluang baru oleh Tuhan agar kita mempunyai kasih untuk mengampuni orang lain secara percuma.
- i. Bagaimanapun, Yesus menambahkan satu amaran pada cerita itu. Dia berkata bahawa jika kita tidak belajar untuk mengampuni orang lain, Bapa Syurgawi kita akan sama seperti raja itu, tidak akan mengasihani kita pada akhirnya.

C. Bagaimana Untuk Mengampuni

- i. Tanya soalan berikut:

Bagaimanakah reaksi orang apabila seseorang melakukan

sesuatu yang tidak baik kepada mereka atau melakukan sesuatu yang menyakitkan hati mereka?

- ii. Adakan perbincangan yang singkat tentang soalan ini.
- iii. Kemudian, ringkaskan seperti berikut:

1. Apa Yang Biasa Dunia Lakukan

- a. Orang selalunya akan berasa amat sakit hati, marah dan kecewa yang teramat sangat apabila seseorang melakukan sesuatu yang tidak baik terhadap mereka.
- b. Tindakan yang selalu dilakukan adalah dengan membala dendam terhadap orang tersebut. Samada dengan cara membala perbuatannya dengan perbuatan yang sama, ataupun melakukan sesuatu yang lebih teruk untuk memastikan dendam mereka terbalas.
- c. Kebanyakan orang juga akan menyimpan dendam atau kemarahan yang mendalam terhadap seseorang, ataupun akan menyimpan satu luka yang dalam di hati mereka.
- d. Biasanya orang akan berasa sukar untuk mengampuni seseorang lebih-lebih lagi jika rasa sakit hati atau kemarahan terhadapnya sangat dalam.

2. Apa Yang Anda Patut Lakukan

- a. Yesus menyuruh kita untuk tampil berbeza daripada dunia. Dia berkata bahawa kita harus benar-benar mengampuni dengan seikhlas hati kita, bukan di bibir kita sahaja.
- b. Bagaimanakah anda dapat melakukannya itu terutama sekali bila anda telah disakiti dengan teruk? (*Biar mereka respon*)
- c. Bukan mudah untuk mengampuni lebih-lebih lagi sekiranya anda mengalami kesakitan dan kemarahan yang mendalam.
- d. Tetapi jika anda sedar betapa celakanya anda dan betapa anda lebih layak untuk dihakimi Tuhan daripada menerima pengampunan dariNya, pengampunan untuk orang lain akan datang dengan mudah dari dalam hati anda. Anda tahu bagaimana rasanya jika diampuni. Anda juga turut mahu mengampuni kerana anda telah dipenuhi dengan kasih Tuhan dan belas kasihan untuk orang itu walaupun setelah dia lakukan sesuatu yang buruk terhadap anda.
- e. Walau bagaimanapun, mengampuni orang lain harus dilakukan atas kehendak kita. Ini bermakna anda mesti mahu mengampuni. Ia adalah suatu perlakuan yang menunjukkan kepatuhan kita kepada Tuhan kerana Dia telah mula-mula mengampuni anda.

- f. Anda tidak diminta untuk mengalami perasaan ingin mengampuni terlebih dahulu sebelum anda boleh mengampuni orang lain. Mengampuni tiada kena-mengena dengan perasaan.
- g. Setiap kali seseorang menyakitkan hati anda dan anda merasakan tidak mahu untuk mengampuni, ingatlah apa yang telah Tuhan lakukan untuk anda. Jika Tuhan telah mengampuni anda sehingga ke tahap yang tinggi, mengapa anda tidak dapat mengampuni orang lain?
- h. Minta pertolongan daripada Tuhan sekiranya anda mendapati sangat sukar untuk mengampuni. Jangan takut untuk memberitahu Tuhan segala perasaan anda, baik atau jahat. Dia akan faham. Kemudian, di akhir semua itu, setelah anda melapangkan dada, minta kepada-Nya untuk membantu anda mengampuni.
- i. Ini samalah seperti anda patuh kepada Tuhan untuk mengampuni dan Dia akan menghapuskan perasaan sakit hati atau kemarahan sesuai dengan waktu-Nya. Dia akan mengurniakan anda dengan kasih-Nya dan penerimaan terhadap seseorang jika anda mengambil langkah untuk ingin mengampuni.
- j. Walaupun anda telah melakukannya, ini tidak bermakna kemarahan dan rasa sakit hati anda akan hilang dengan serta-merta. Biasanya, ia akan memakan masa bagi Tuhan untuk memberikan kesembuhan sepenuhnya.
- k. Setengah orang berkata bahawa mengampuni adalah untuk melupakan. Tidak mungkin anda akan melupakan apa yang telah terjadi. Walau bagaimanapun, jika pengampunan yang diberikan adalah benar, biarpun anda teringat situasi atau orang itu, anda tidak lagi merasakan apa-apa kepahitan atau sakit hati. Tiada lagi perasaan negatif. Bahkan anda boleh berdepan dengan orang itu serta berhubung dengannya seperti biasa semula.
- l. Bila anda hidup dalam kehidupan yang tidak berpegang pada dendam dan rasa sakit hati, orang lain akan melihat sesuatu yang sememangnya amat berbeza dalam diri anda. Mereka akan mengetahui bahawa Tuhanlah yang memungkinkan semua itu terjadi.



Doa

Akhiri dengan doa. (lihat bahagian Lembar Kerja Peserta)

Sesi 3 : Hati Seorang Hamba**Objektif-Objektif Sesi**

1. Menyedari bahawa satu-satunya cara untuk menjadi besar di mata Tuhan adalah dengan menjadi hamba kepada orang lain.
2. Mengakui bahawa Yesus telah memberikan contoh melayani yang perlu diikuti.
3. Mempelajari bahawa mereka harus mempunyai sikap mematuhi, kesanggupan dan sikap merendah diri untuk melayani orang lain.
4. Memikirkan tentang seseorang yang boleh mereka layani pada minggu akan datang.

**Pencetus Minat****Permainan Menyelerakkan!**

(Bahan yang diperlukan: Surat khabar lama, kapur, bakul sampah)

Tujuan permainan ini adalah untuk melihat kumpulan mana yang lebih cekap dalam mengumpulkan sampah yang dilakukan oleh kumpulan lawan.

1. Alihkan semua kerusi ke tepi.
2. Bahagikan para peserta kepada dua buah kumpulan yang sama jumlah ahlinya.
3. Lukiskan satu garisan dengan menggunakan kapur melintasi ruang tengah bilik untuk memisahkan kedua-dua kumpulan tersebut. Kemudian tandakan kawasan bagi setiap kumpulan.
4. Berikan setiap kumpulan sejumlah surat khabar. Minta mereka untuk mengoyakkannya dan menggumpalkannya menjadi ‘bola’ kertas.
5. Setiap kumpulan harus mula dengan jumlah ‘bola’ kertas yang sama.
6. Terangkan bahawa setelah permainan bermula, mereka perlu melempar ‘bola’ kertas mereka ke dalam kawasan pihak lawan. Pada masa yang sama, mereka harus mengutip ‘bola’ yang dilempar ke dalam kawasan mereka dan melemparkannya semula. Tujuan permainan ini adalah untuk melihat kumpulan mana yang berakhir dengan jumlah ‘bola’ kertas paling sedikit di atas lantai.
7. Oleh itu, mereka harus mengatur strategi mereka sendiri untuk menetapkan siapa yang akan melempar dan siapa yang akan mengutip ‘bola’. Mereka juga boleh menyusun beberapa buah kerusi di dalam kawasan mereka dalam apa jua cara jika mereka fikir ia boleh membantu mereka.

8. Sediakan beberapa bakul sampah di sekeliling mereka supaya mereka dapat mengumpul semua ‘bola’ kertas pada akhir permainan!



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Adakah anda merasa seronok menyelerakkan lantai tadi?
2. Memang mudah untuk mengotori daripada membersihkannya, seperti yang telah anda alami dalam permainan ini.
3. Siapakah yang selalunya membersihkan untuk anda apabila anda telah mengotorkan atau telah meninggalkan barang-barang anda berselerakan di sesuatu tempat? (*Tanya beberapa orang untuk memberikan respon*) Ada di antara kita yang bertanggungjawab; bagi orang lain pula, mungkin ibu bapa anda; atau orang gaji di rumah.
4. Bagaimana pula selepas perjumpaan muda-mudi atau kebaktian gereja? Siapakah yang biasanya mengatur semua kelengkapan dan membersihkannya? (*Biar mereka respon*)
5. Biasanya kebanyakannya orang tidak berminat untuk melakukan tugas serendah itu. Mereka lebih berminat untuk melakukan sesuatu yang dianggap sebagai perkara penting, perkara yang menarik perhatian orang lain. Sebagai contoh, orang akan lebih memberi perhatian dan mungkin menghargai orang dalam gereja yang melakukan sesuatu di bahagian paling hadapan seperti berkutbah, mengetuai Pembelajaran Alkitab, persekutuan doa atau pujian, dan lain-lain.
6. Kita menganggap orang-orang seperti itu adalah orang penting di gereja.
7. Bagaimana pula dengan orang-orang yang hanya melakukan tugas kecil atau kerja yang mungkin dianggap tidak penting dan tidak diberi perhatian seperti menyapu lantai gereja, menyusun kerusi untuk perjumpaan, mencuci pinggan selepas makan malam gereja dan lain-lain? Adakah anda pernah memberi perhatian terhadap mereka dan menganggap tugas mereka penting ataupun sesuatu yang anda akan lakukan? (*Biar mereka respon*)
8. Berbicara dari segi manusiawi, tiada seorang pun antara kita yang mahu melakukan kerja-kerja ‘kotor’ atau tugas-tugas yang di bawah martabat kita dan yang kebanyakan orang tidak mahu melakukannya.
9. Mari kita lihat apa yang Yesus boleh ajar kita dalam sesi pada hari ini.

B. Dipanggil Untuk Melayani

(Minta mereka membuka Yohanes 13:1-17 dan suruh mereka mengambil giliran untuk membaca petikan.)

1. Contoh Yesus (Yohanes 13:1-17)

- Pada zaman Yesus, orang-orang Yahudi memakai sandal. Setelah berjalan di luar di sepanjang jalan yang berdebu, kaki mereka selalunya akan diselaputi debu. Oleh itu, setiap kali mereka masuk ke dalam rumah, kaki mereka akan dibasuh. Membasuh kaki merupakan tugas hamba terendah di dalam rumah.
- Ada sesiapakah yang membasuh kaki Yesus dan kaki para pengikut-Nya apabila mereka masuk untuk menjamu makan malam? (Biar mereka respon) Nampaknya, tiada seorang pun hamba yang kelihatan dan tiada sesiapa yang mahu melakukan tugas seorang hamba. Oleh itu, mereka sanggup makan dengan kaki yang kotor!
- Apakah yang Yesus cuba tunjukkan kepada pengikut-pengikut-Nya melalui apa yang telah dilakukan-Nya? (Biar mereka respon)
- Dia sedang memberikan satu contoh kepada mereka. Dia menunjukkan bahawa jika Dia, Tuhan dan Tuan mereka, adalah hamba kepada mereka, jadi mereka pun perlu berbuat perkara yang sama antara satu sama lain.

2. Contoh Dunia (Markus 10:35-45)

- (Pastikan mereka membuka Markus 10:35-45. Panggil empat orang untuk masing-masing membacakan bahagian pencerita, Yesus, Yakobus dan Yohanes.)
- Bagaimanakah kelakuan orang yang besar dan penting di dalam dunia? (Biar mereka respon)
- Menurut Yesus, bagaimanakah kelakuan yang harus ditunjukkan oleh pengikut-pengikutNya jika kita mahu menjadi besar di mata Tuhan? (Biar mereka respon)
- Cara Tuhan amat berbeza dengan cara dunia.
- Dalam dunia ini, orang yang merupakan pemimpin atau mempunyai kuasa ke atas orang lain akan berkelakuan seperti mereka adalah ketua. Mereka akan menjadi orang yang memerintah orang lain untuk melakukan tugas-tugas tidak penting dan paling kotor. Anda tidak akan melihat orang-orang seperti ini menunduk dengan rendah untuk melakukan tugas-tugas yang tidak penting.

- f. Walau bagaimanapun, Yesus memanggil kita untuk tampil berbeza. Bagaimana? (*Biar mereka respon*)
- g. Dia berkata untuk menjadi besar, kita harus mempunyai sikap seperti seorang hamba, seseorang yang sanggup melayani orang lain. Kita tidak boleh berkelakuan seperti kita adalah orang besar dan mengharap orang lain melayani kita.
- h. Itu adalah tujuan Yesus datang ke bumi – untuk melayani kita dengan mati di atas kayu salib bagi kita.
- i. Dalam cara yang sama, kita juga perlu melayani orang lain sekiranya kita ingin menjadi besar di mata Tuhan.

C. Bagaimana Cara Untuk Melayani

1. Siapa Yang Harus Anda Layani

- a. Tugas seorang hamba adalah untuk melayani majikan mereka, iaitu orang yang telah mengambil mereka bekerja untuk melakukan tugas-tugas seorang hamba.
- b. Mereka melayani dengan cara menjaga apa sahaja keperluan majikan mereka. Hamba-hamba tidak mempunyai pilihan ke atas apa yang mereka harus lakukan.
- c. Sebagai seorang Kristian yang telah dipanggil untuk menjadi hamba, apakah yang harus anda lakukan? (*Biar mereka respon*)
- d. Yesus memanggil kita untuk melayani-Nya (Yohanes 12:26), orang-orang Kristian lain (Galatia 5:13) dan juga orang-orang bukan Kristian (Galatia 6:10).
- e. Sama seperti Yesus yang telah melayani kita dengan pelbagai cara – Dia mengajar, berkhutbah, menyembuhkan, membasuh kaki para murid-Nya – kita juga dipanggil untuk melayani orang lain dengan cara apapun yang kita boleh lakukan. Kita melayani apabila kita mempunyai kesanggupan untuk bertindak membantu orang lain.

2. Bagaimana Cara Untuk Anda Melayani

(Pastikan mereka membaca Yohanes 13:1-17 semula. Minta mereka untuk melihat apa yang mereka dapat tentang sikap Yesus ketika melayani murid-murid-Nya. Selepas itu, suruh mereka bandingkannya dengan senarai ciri-ciri yang telah mereka tulis di **Aktiviti Bersama**)

a. Yesus melayani dengan penuh kasih sayang (ayat 1)

- Dia melayani mereka dengan kasih.
- Dengan cara yang sama, apabila kita melayani orang

lain, kita perlu melayani mereka dengan kasih. Kita mengasihi kerana Kristus telah terlebih dahulu mengasihi dan melayani kita.

- Anda tidak perlu menunggu sehingga orang itu patut untuk dilayani sebelum anda melayaninya. Anda melakukannya kerana kasih anda untuk Yesus.

b. Yesus melayani dengan penuh kesanggupan (ayat 3-4)

- Di sini juga kita dapat melihat bahawa Yesus mengambil inisiatif; Dia tidak menunggu untuk dipanggil. Begitu juga dengan kita, kita perlu mengambil inisiatif dan melayani orang lain dengan penuh kesanggupan.
- Kita perlu melayani orang lain kerana kepatuhan kita terhadap Kristus, bukan dengan perasaan marah tetapi dengan penuh kesanggupan. Hamba yang baik bekerja dengan penuh kerelaan dan kegembiraan untuk orang lain.

c. Yesus melayani dengan penuh kerendahan hati (ayat 5)

- Untuk melayani orang lain, kita perlu mempunyai ciri-ciri kerendahan hati. Tidak kira apa jua tugas-tugas yang perlu dilakukan; kita harus mengambil inisiatif dan melakukannya biarpun ia adalah tugas yang bertaraf rendah seperti menyapu lantai, buang sampah, cuci pinggan dan lain-lain.
- Untuk menjadi seorang hamba yang baik, anda perlu berfikir bahawa keperluan orang lain lebih penting daripada keperluan anda.
- Setiap kali anda terfikir bahawa tugas itu bertaraf rendah untuk anda lakukan, ingat tentang contoh Yesus.
- Dan setiap kali anda menjadi bangga dengan diri anda sendiri kerana mempunyai sifat seorang hamba, fikirkan lagi tentang Yesus. Ingatkan diri anda bahawa kita akan menjadi besar di mata Tuhan hanya jika kita merendahkan hati dan melayani orang lain.



Doa

Berdoalah agar Tuhan memberi mereka sebuah hati seorang hamba. Berdoa juga supaya Tuhan akan bekerja di dalam hati mereka dan memberikan mereka kerendahan hati dan kesanggupan untuk melayani orang lain sama seperti Kristus yang telah melayani mereka

Sesi 4 : Ada Yang Tidak Kena Dengan Orang Ini



Objektif-Objektif Sesi

1. Mempelajari bahawa mereka adalah orang yang kudus kerana Tuhan telah memilih mereka dan telah mengasingkan mereka sebagai umat-Nya.
2. Memahami bahawa Tuhan mahu mereka menjalani kehidupan yang kudus sama seperti diri-Nya yang kudus.
3. Mendorong diri mereka sendiri untuk bertumbuh dalam kekudusan untuk dua aspek kehidupan.



Pencetus Minat

Kepunyaan Anda

Tujuan aktiviti ini adalah untuk menggalakkan setiap orang mencipta sesuatu yang hanya menjadi kepunyaan mereka dan yang menggambarkan sesuatu tentang diri mereka.

1. Sediakan berbagai-bagai bahan seperti reben, kertas, tali, pensel, daun-daunan, penyedut minuman dan lain-lain bagi semua orang untuk memilih. Alternatifnya adalah untuk menyediakan bahan-bahan yang sama bagi setiap orang yang hadir, contohnya, tiga atau empat jenis bahan seperti sehelai reben, sekeping kertas, sebiji telur rebus dan beberapa batang pensel warna.
2. Terangkan kepada mereka bahawa anda mahu mereka mengambil apa sahaja bahan-bahan yang diberikan dan ciptakan sesuatu daripada bahan-bahan tersebut. Apa yang mereka hasilkan mesti menggambarkan sesuatu tentang diri mereka, contohnya, mereka boleh mencipta sesuatu yang lucu dilihat yang menggambarkan perasaan suka mereka terhadap kegembiraan dan kelucuan, dan sebagainya.
3. Beritahu mereka jangan meniru dari rakan-rakan mereka. Terangkan bahawa apa yang anda mahu ialah mereka melakukan sesuatu yang akan mengasingkan ‘barang’ mereka daripada kepunyaan orang lain kerana ia adalah milik mereka.
4. Kemudian setiap orang perlu berkongsi hasil ciptaan mereka dan memberitahu apa maksudnya terhadap diri mereka.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Apa yang telah anda ciptakan merupakan satu-satunya milik anda, bukan?
2. Anda telah menciptanya, dan oleh kerana ia mewakili sebahagian daripada anda, ia adalah sesuatu yang menjadi milik anda seorang. Walaupun, jika ada antara anda yang mempunyai idea yang sama secara tidak sengaja, setiap benda itu tetap unik kerana ia dicipta oleh orang yang berbeza.
3. Dengan meletakkan diri anda dalam hasil kerja anda, anda pada dasarnya telah mengasingkan ciptaan anda daripada ciptaan orang lain.
4. Setiap ciptaan berbeza antara satu sama lain kerana anda telah mengasingkannya dengan sentuhan istimewa anda.
5. Secara tidak langsung, hubungan kita dengan Tuhan merupakan sesuatu yang sama seperti ini.
6. Dalam sesi ini, anda akan belajar tentang suatu perkara penting yang menandakan dan mengasingkan kita daripada orang-orang yang tidak mengenal Tuhan – ini adalah tanda bagi kekudusan, yang mengasingkan kita sebagai umat Tuhan.

B. Jadilah Kudus Kerana Dia Adalah Kudus

1. Apa yang terlintas di fikiran anda bila anda mendengar/melihat perkataan “KUDUS”? (Biar mereka respon berdasarkan apa yang mereka telah tuliskan di **Aktiviti Bersama**)
2. (*Tuliskan apa yang mereka katakan di atas papan putih supaya dilihat oleh semua peserta*).
3. Sekarang, mari kita melihat apa yang dimaksudkan dengan perkataan KUDUS menurut Alkitab.

Objek Pelajaran: Batu-batu ‘Hidup’

(Diperlukan: Batu-batuan, sehelai kain, Alkitab)

1. Sediakan beberapa biji batu yang mesti kelihatan lebih kurang sama. Pastikan batu-batuan itu sedikit kotor.
2. Tunjukkannya kepada para peserta. Terangkan bahawa semua itu hanya batu-batuan, tiada satu pun yang lebih istimewa daripada batu-batuan yang lain.
3. Kemudian, ambil sebiji batu dan asingkannya dari yang lain. Ia mesti tidak kelihatan berbeza daripada batu-batuan lain.

1. Menjadi Kudus Bermakna Diasingkan

(Imamat 20:25-26; 1 Petrus 1:13-16)

- a. Semua ini hanyalah batu-batuan biasa. Adakah anda melihat sesuatu yang istimewa tentang mana-mana batu tersebut? (*Biar mereka respon*)
- b. Sekarang saya telah memilih sebiji batu dan memisahkannya dari yang lain. Adakah anda dapat melihat sesuatu yang istimewa tentang batu ini? (*Biar mereka menekanya*)
- c. Sebenarnya tidak ada apapun yang istimewa tentang batu ini. Sebab mengapa batu ini berbeza sekarang adalah kerana saya telah memilihnya dan mengasingkannya dari yang lain. Pada batu ini sendiri, ia tidak berbeza atau istimewa dari segi apapun daripada batu-batuan lain.
- d. Inilah yang dimaksudkan oleh Alkitab bahawa Tuhan telah menjadikan kita orang-orang yang kudus. Tuhan telah memilih kita dan mengasingkan kita dari orang-orang lain agar kita boleh menjadi milik-Nya sahaja.
- e. (*Minta mereka buka Imamat 20:25-26. Panggil seseorang untuk membaca ayat-ayat tersebut.*)
- f. Maksud perkataan *kudus* dalam Kitab Perjanjian Lama adalah ‘dipisahkan’ atau ‘diasingkan’.
- g. Tuhan tidak mahu orang-orang Israel menjadi seperti bangsa -bangsa lain di sekeliling mereka. Dia berfirman kepada mereka bahawa Dia tidak mahu mereka menjadi tercemar lagi kerana Dia telah menjadikan mereka *kudus*, iaitu Dia telah mengasingkan mereka untuk menjadi milik-Nya sahaja.
- h. Oleh itu jika Tuhan memanggil anda untuk menjadi kudus sepertiNya, Dia memanggil anda untuk tidak menjadi seperti orang-orang di sekeliling anda yang tidak mengenal Tuhan. Anda tidak lagi menjalani kehidupan seperti mereka atau pun menjalani kehidupan yang biasa anda jalani. (*Pastikan mereka membuka 1 Petrus 1:13-16. Minta seseorang untuk membacanya.*)
- i. Anda sekarang harus menjalani kehidupan yang baru dan berbeza kerana anda telah diasingkan oleh Tuhan untuk menjadi umat-Nya.
- j. Anda adalah kudus kerana anda telah diasingkan sebagai orang-orang pilihan Tuhan.

2. Menjadi Kudus Bermaksud Menjadi Seperti Tuhan

(Yesaya 6:1-7; 1 Samuel 2:2)

- a. Alkitab memberitahu kita bahawa kita harus menjadi kudus seperti Allah. Apakah yang dimaksudkannya?
- b. (*Tunjukkan semula batu yang telah diasingkan tadi kepada mereka.*) Seperti yang saya katakan sebentar tadi, sebab

- batu ini istimewa pada mulanya adalah kerana ia telah dipilih dan diasingkan dari batu-batuan lain.
- c. (*Ambil sehelai kain dan bersihkan batu tersebut. Kemudian, biarkan mereka membandingkannya dengan batu-batuan lain.*)
 - d. Ada apa-apa perbezaankah antara batu ini dengan batu-batuan lain sekarang? (*Biar mereka respon*)
 - e. Apabila Alkitab mengatakan bahawa Allah adalah kudus, ia bermaksud Allah adalah satu-satunya yang suci, sempurna dan baik. Kekudusan adalah sebahagian karakter Tuhan. Dia tidak akan menjadi Allah sekiranya Dia tidak kudus. (*Pastikan mereka membuka Yesaya 6:1-7 dan 1 Samuel 2:2 dan minta seseorang membacakan dua perenggan itu*)
 - f. Oleh itu, apabila Tuhan memanggil kita untuk menjadi kudus seperti-Nya, Dia turut memanggil kita untuk menjalani kehidupan yang suci dan baik sepertiNya. Sama seperti batu tadi, kita perlu membersihkan diri kita dari segala ‘kekotoran’. Kita harus meninggalkan cara yang lama yang tidak menyenangkan di mata Tuhan dan berusaha ber-sungguh-sungguh untuk menjadi seperti Dia. Itu akan menjadikan kita berbeza daripada orang-orang lain di sekeliling kita yang tidak mengenal Tuhan.
 - g. Apakah beberapa cara lain yang boleh diperaktikkan yang boleh mendorong anda bertumbuh dalam kekudusan? (*Biar mereka respon*)



Doa

Berdoalah untuk satu sama lain supaya Tuhan memancarkan wajah-Nya ke atas mereka saat mereka bersungguh-sungguh untuk bertumbuh dalam kekudusan dan menjadi seperti-Nya.

Sesi 5 : Anda Perisau?



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengenal pasti kerisauan dan masalah-masalah utama yang biasa dihadapi oleh anak-anak muda.
2. Menentukan beberapa kerisauan utama yang menghantui mereka.
3. Mengetahui bahawa Allah memanggil mereka untuk menyerahkan kerisauan mereka ke dalam tangan-Nya.
4. Saling membantu antara satu sama lain untuk memberikan cadangan bagaimana untuk menangani kerisauan yang mengganggu mereka.



Pencetus Minat

Lukiskannya

(Bahan yang diperlukan: Cebisan kertas, bekas kosong, papan tulis, kapur atau pen penanda)

Tujuan permainan ini adalah untuk memastikan para peserta mengenal-pasti pelbagai kerisauan yang mereka hadapi.

1. Bahagikan para peserta kepada kumpulan yang terdiri daripada lima atau enam orang.
2. Kenalpasti terlebih dahulu pelbagai masalah dan kerisauan yang berbeza. Cuba buatkannya selucu mungkin, contohnya, bau badan, jerawat di hidung, masih dipimpin tangan oleh orang tua bila melintasi jalanraya dan lain-lain. Tuliskan setiap masalah atau kerisauan tersebut di atas cebisan kertas.
3. Lipatkan semua cebisan kertas tersebut dan letakkannya di dalam sebuah bekas kosong.
4. Jelaskan bahawa setiap kumpulan perlu mengambil giliran untuk menghantar seorang wakil pada satu-satu masa.
5. Orang itu akan mencabut satu cebisan kertas dan cuba untuk melukis perkara yang tertulis pada kertas. Mereka tidak dibenarkan untuk bercakap, menggunakan sebarang isyarat tangan atau menulis apa-apa. Mereka hanya dibenarkan untuk melukis gambar untuk menggambarkan apa yang tertulis pada kertas.
6. Berikan tempoh 30 saat kepada kumpulan yang terlibat untuk meneka jawapannya. Jika mereka tidak dapat memberikan jawapan yang betul dalam tempoh masa tersebut, kumpulan lain akan mengambil giliran untuk meneka.

7. Anda boleh menggunakan kaedah tersendiri untuk memberikan mata.
8. Kumpulan yang menang adalah kumpulan yang mengumpul mata terbanyak.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Adakah semua masalah itu biasa didengar? (Biar mereka respon)
2. Setiap peringkat kehidupan mempunyai masalah dan kerisauan yang tersendiri samada zaman remaja, meningkat dewasa ataupun sebagai seorang dewasa.
3. (Minta mereka memberi senarai masalah dan kerisauan yang biasa dihadapi oleh mereka. Tuliskannya di papan tulis)
4. (Minta mereka tentukan lima masalah/perkara yang teratas)
5. Apakah beberapa penyebab kerisauan terhadap masalah sebegini? (Biar mereka respon)
6. Kita akan berbincang beberapa kerisauan dan masalah yang anda hadapi dan bagaimana anda dapat belajar untuk menanganinya secara positif.

B. Apa Yang Merisaukan Saya?

Biar mereka lakukan **Aktiviti Bersama**, kemudian ringkaskannya seperti berikut:

1. (Bincangkan respon mereka untuk soalan 3 di **Aktiviti Bersama**)
2. Adalah normal bagi setiap orang untuk mempunyai masalah, dan adalah normal untuk orang tersebut merasa risau terhadap masalah yang dihadapi.
3. Walau bagaimanapun, ia akan menjadi satu kebinasaan apabila kita terus-terusan risau terutamanya terhadap perkara yang kita tidak dapat kawal. (Rujuk kepada respon mereka terhadap kerisauan)
4. Perkataan ‘risau’ atau ‘worry’ berasal daripada perkataan Jerman, iaitu ‘wurgen’ yang bermaksud ‘mencekik’. ‘Risau’ dalam erti kata lain sama seperti mencekik diri kita sendiri sehingga mati.
5. Risau tidak dapat memperbaiki keadaan. Ia hanya akan mendatangkan tekanan mental yang lebih berat kepada anda.
6. Jadi, apakah yang dapat anda lakukan untuk menangani masalah anda? (Biar mereka respon; suruh mereka rujuk kepada jawapan mereka di soalan 4 dalam **Aktiviti Bersama**)

a. Bawakan Kepada-Nya (1 Petrus 5:7)

- i. Sebagai seorang Kristian, anda mempunyai jalan keluar dari kerisauan yang rakan-rakan bukan Kristian anda tidak memilikinya – Allah itu sendiri.
- ii. Alkitab memberitahu kita agar tidak berasa risau, tetapi membawa semua kerisauan kita kepada Allah kerana Dia mengambil berat tentang kita (1 Petrus 5:7).
- iii. Tiada kerisauan yang terlalu besar atau terlalu kecil bagi Allah yang begitu merisaukan anak-anak-Nya. (*Suruh mereka buka Matius 10:29-31*)
- iv. Sekiranya Allah mengambil berat tentang burung-burung pipit yang kecil dan begitu mengambil berat untuk mengetahui berapa helai rambut yang ada di atas kepala anda, sudah tentu Dia akan mengambil berat biar sekecil mana pun perkara yang merisaukan anda.

b. Serahkan Ke Dalam Tangan-Nya (Filipi 4:6-7)

- i. Paulus memberitahu kita untuk jangan gelisah terhadap apa-apa. Dia memanggil kita untuk menumpukan segala kerisauan kita kepada Allah dalam doa dan menyerahkannya ke dalam tangan-Nya.
- ii. Apabila anda belajar untuk mempercayai Allah dengan menyerahkan kerisauan anda kepada-Nya, Dia akan memenuhi anda dengan damai sejahtera. (*Suruh mereka baca Yohanes 14:27*)
- iii. Sewaktu pengikut-pengikut-Nya berada dalam kesusahan dan ketakutan kerana Dia akan meninggalkan mereka, Yesus berkata kepada mereka agar jangan risau. Dia meyakinkan mereka bahawa Dia akan bersama mereka dan Dia akan memberi mereka damai sejahtera dari-Nya.
- iv. Tidak kiralah apa juu kesukaran dan kerisauan yang anda hadapi, Dia akan memberi anda damai sejahtera-Nya; sesuatu yang tidak dapat diberikan oleh dunia kerana dunia tidak memilikinya. Ia adalah kedamaian yang akan menjaga hati dan fikiran anda biarpun anda berada di tengah-tengah saat sukar.
- v. Adakah ini bermaksud kita akan menjalani kehidupan yang sentiasa riang tanpa mengambil berat tentang apa-apa pun? (*Biar mereka respon*).
- vi. Alkitab tidak menyuruh kita untuk tidak memikirkan atau mengambil berat tentang masalah kita. Ia hanya memberitahu kita agar tidak risau dan menjadi gelisah tentangnya, tetapi percaya bahawa Allah akan bertanggungjawab ke

atasnya.

- vii. Terdapat perbezaan antara risau dengan mengambil berat. Risau adalah keadaan mental yang asyik memikirkan sesuatu keadaan sehingga fikiran anda tertekan olehnya. Anda tidak dipanggil untuk melakukan perkara sebegini.
- viii. Anda boleh mengambil berat tetapi, anda tidak perlu risau. Allah telah berulang kali berjanji kepada kita di dalam Alkitab bahawa Dia adalah perlindungan dan pertolongan kita di saat kita menghadapi kesusahan. Anda harus menyerahkan kerisauan anda ke dalam tangan-Nya dan percaya yang Allah akan bertanggungjawab ke atasnya.

c. Percaya Kepada-Nya Untuk Mengerjakan Rencana-Nya

(Roma 8:28)

- i. Paulus mengingatkan kita bahawa Allah akan bekerja dalam apa jua situasi yang kita hadapi dan akan membawa keluar apa yang terbaik darinya.
- ii. Jika anda melihat Allah sebagai Bapa anda di syurga dan Raja yang agung daripada segala yang ada, anda seharusnya percaya bahawa Dia mengawal dan bertanggungjawab atas segala yang anda ambil berat.
- iii. Sebagai anak-anak-Nya, anda harus belajar untuk meyakini Allah dan berpuas hati dengan apa jua situasi yang anda hadapi. Anda harus mengingatkan diri anda bahawa setiap yang anda tempuh sudah termasuk dalam rancangan-Nya untuk anda.
- iv. Dia tidak menjanjikan kehidupan yang bebas dari masalah kepada anda. Tetapi Dia berjanji untuk menjaga dan memimpin anda untuk mengharungi masalah dalam kehidupan.
- v. Selalunya, kerisauan anda itu tidaklah sebesar mana. Ada masanya anda terlalu risau tentang perkara-perkara yang remeh. Contohnya, anda risau akan penampilan anda dengan potongan rambut yang baru ataupun anda risau adakah anda kedengaran seperti dubuk bila ketawa.
- vi. Ini tidak bermakna anda tidak boleh membawa perkara kecil sebegini kepada Allah. Ia hanya bermaksud semasa anda berdoa dan menyerahkannya kepada Allah, anda perlu menjadi terbuka untuk melihat apa langkah-langkah praktikal yang Dia akan tunjukkan dan langkah apa yang anda patut ambil untuk membantu diri anda sendiri.
- vii. Ada kalanya Allah akan menunjukkan apa yang harus anda lakukan. Ada waktunya Dia akan memberikan petunjuk dan

anda tidak perlu melakukan apa-apa. Oleh itu, bawalah kerisauan anda kepada-Nya; berdoa dan serahkannya ke dalam tangan-Nya. Yakinlah bahawa Dia akan mendatangkan sesuatu yang baik dari segala perkara yang telah anda hadapi.



Doa

Suruh mereka berdoa untuk diri sendiri dan teman-teman mereka, terutama untuk perkara-perkara yang meruncingkan fikiran mereka pada saat ini.

Sesi 6: Cakap Benar Tapi Bohong?



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa berbohong bukan sahaja melibatkan memberitahu perkara yang tidak benar, tetapi juga menyembunyikan kebenaran.
2. Menyedari bahawa sebagai umat Tuhan, mereka harus berhenti berbohong kerana berdusta itu dibenci Allah dan merupakan satu dosa terhadap Allah.
3. Memikirkan tabiat lama mereka yang selalu berbohong dan mencari jalan penyelesaian untuk menangani tabiat tersebut.



Pencetus Minat

Bercakap Benar

Tujuan permainan ini adalah untuk mencari tahu peserta manakah yang bercakap benar.

1. Sebelum perjumpaan, cari seseorang yang telah membuat sesuatu yang luar biasa atau kelakar yang tiada seorang pun dalam kumpulan anda yang tahu tentangnya. Contohnya, orang itu mungkin pernah termuntah ketika menaiki ‘roller coaster’ atau sesat di dalam pusat membeli-belah semasa dia masih kecil, dan lain-lain.
2. Dengan bantuannya, tulis suatu gambaran ringkas tetapi lucu tentang perkara luar biasa tersebut.
3. Kemudian berikan penerangan kepada dua orang yang lain dan suruh mereka berpura-pura bahawa mereka telah melakukan perkara yang sama.
4. Sediakan tiga buah kerusi di hadapan.
5. Minta ketiga-tiga peserta untuk datang ke hadapan, perkenalkan mereka dan beritahu apa yang telah mereka lakukan. Sebagai contoh, orang pertama mungkin berkata, “Nama saya Jesicca. Pertama kali saya menaiki ‘roller coaster’, saya berasa takut dan termuntah.” Kemudian, minta orang kedua memperkenalkan diri mereka dan mengatakan perkara yang sama. Minta orang ketiga melakukan perkara yang sama.
6. Kemudian bacakan gambaran tentang kejadian itu kepada kumpulan.
7. Terangkan kepada para peserta bahawa tujuan permainan ini adalah untuk mengetahui yang mana satu di antara mereka yang bercakap benar. Mereka boleh mengutarakan beberapa soalan kepada mana-mana peserta untuk menentukan siapakah orang itu.

8. Berikan mereka lebih kurang 3 minit untuk menanyakan soalan. Sebagai contoh, seseorang mungkin bertanya, “No.2, siapakah yang bersama anda di dalam ‘roller coaster’?”
9. Kemudian minta para peserta mengundi untuk melihat siapa yang mereka fikir terlibat dalam kejadian tersebut.
10. Minta beberapa orang daripada mereka untuk menerangkan mengapa mereka mengundi orang itu.
11. Kemudian suruh orang yang sebenarnya terlibat untuk berdiri.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Adakah mudah untuk mengetahui dua orang yang tidak bercakap benar? (*Biar mereka respon*)
2. Selalunya tidak begitu susah untuk menyembunyikan kebenaran. Terdapat sesetengah orang yang kelihatan begitu meyakinkan biarpun mereka tidak bercakap benar.
3. Adakah ia mudah untuk menjadi jujur dan bercakap benar? (*Biar mereka respon*)
4. Banyak orang yang tidak begitu kisah untuk bercakap benar sepanjang masa. Mereka tidak melihat apa-apa yang salah dengan memberikan alasan atau bercakap sesuatu yang mereka anggap sebagai pembohongan beralasan untuk membela diri mereka.
5. Sesetengah orang tidak begitu kisah untuk bercakap benar atau berlaku jujur jika ia selesa untuk mereka dan mereka boleh melepaskan diri dengan cara tersebut.
6. Mereka tidak melihat berbohong, terutamanya menyatakan sesuatu yang mereka katakan sebagai pembohongan beralasan sebagai suatu isu moral – mereka menerima sebagai sebahagian daripada kehidupan.
7. Dalam sesi hari ini, kita mahu menangani isu pembohongan ini dan melihat bagaimana umat Allah boleh menjalani kehidupan yang bebas darinya.

B. Berbohong

1. Masalah Berbohong

- a. Berbohong bermaksud tidak bercakap benar.
- b. Ini melibatkan:
 - Berkata bohong atau tidak benar sama sekali
 - Menyembunyikan kebenaran
 - Bercakap apa yang orang katakan sebagai

pembohongan beralasan (*white lies*)

- Bercakap separuh-benar
- c. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan ‘pembohongan beralasan’? (*Biar mereka respon*)
- d. Tiada perkara pembohongan beralasan dalam kehidupan seorang Kristian. Semua pembohongan adalah ‘jahat’, dalam erti kata lain, pembohongan adalah pembohongan tidak kira apapun nama yang anda berikan padanya.
- e. Semua pembohongan adalah pembohongan walaupun anda mempunyai niat yang baik semasa menggunakannya.
- f. Sering kali kita tidak menganggap alasan yang kecil, penyembunyian sesuatu atau separuh kebenaran yang kita berikan sama tahap dengan berbohong. Sebagai contoh, memberitahu adik-beradik anda untuk mengatakan anda tidak berada di rumah sekiranya ada orang tertentu yang anda tidak mahu bercakap dengannya menelefon anda.
- g. Di mata Tuhan, tidak bercakap benar adalah berbohong tidak kira apa sekali pun alasan yang anda berikan untuk membuktikannya sebagai wajar.

2. Sebab-sebab untuk Berbohong

- a. Pada pendapat anda, mengapakah orang berbohong atau menyembunyikan kebenaran? (*Biar mereka respon*)
- b. Biasanya orang berfikir bahawa tiada bahaya atau salahnya dalam bercakap bohong untuk kebaikan atau menyembunyikan kebenaran asalkan mereka mendapat faedah daripadanya.
- c. Mereka berfikir bahawa ia adalah OK asalkan keadaan itu tidak begitu serius. Pada mereka, berbohong tidak jatuh di dalam kategori yang sama seperti dosa lain seperti mencuri atau membunuh. (*Minta mereka memberikan beberapa contoh pembohongan beralasan yang biasa dilakukan orang*)
- d. Kadang-kala, orang merasionalkan atau memberikan justifikasi terhadap pembohongan mereka kerana mereka berfikir bahawa niat baik mereka merupakan alasan yang baik untuk berbohong.
- e. Sesetengah orang berbohong kerana mereka takut menghadapi akibat daripada bercakap benar.
- f. Ada pula yang berbohong memang bertujuan untuk menipu orang lain.
- g. Berbohong memberikan kita tanggapan yang salah tentang kawalan dan kuasa. Kita mungkin merasakan kita telah mengendalikan sesuatu situasi dengan jayanya. Walau

- bagaimanapun, jenis pemikiran tersebut hanyalah menipu diri kita sendiri. Pada akhirnya kebenaran akan muncul juga.
- h. Satu pembohongan kecil atau separuh benar selalunya akan mengarah kepada yang lain dan yang seterusnya sehingga ke satu poin di mana anda akan kedapatan kerana ia tidak lagi mungkin untuk melepaskan diri dari situasi tersebut.

3. Akibat Daripada Berbohong

- a. (*Minta seseorang untuk meringkaskan cerita “Budak Lelaki yang Menjerit Serigala”. Pastikan mereka berbincang tentang apa yang mereka boleh pelajari daripadanya. Buat rujukan juga pada apa yang mereka telah bangkitkan dalam perbincangan*)
- b. Adakah anda mempercayai seseorang yang mempunyai tabiat tidak bercakap benar? (*Biar mereka respon*)
- c. Orang akan belajar untuk tidak mempercayai anda jika mereka tahu anda mempunyai tabiat suka tidak bercakap benar, sama ada ia adalah pembohongan beralasan atau menyembunyikan kebenaran.
- d. Sama seperti dosa lain, sekali anda telah memulakannya, susah untuk menghentikannya. Anda mungkin akan berasa sedikit gelisah pada mulanya. Namun suatu pembohongan kecil akan membawa kepada yang lain sehingga ke tahap di mana anda tidak lagi berasa tidak senang hati. Ia akan menjadi suatu tabiat yang sukar untuk dilepaskan selepas beberapa lama.
- e. Berbohong akan memberi kesan kepada hubungan anda dengan Tuhan. Alkitab telah menyatakannya dengan jelas bahawa jika anda berdosa dan tidak mengakuinya, hubungan anda dengan Tuhan akan terhalang. (*Mazmur 66:18-19*)
- f. Berbohong juga menipu anda untuk berfikir bahawa anda telah dapat melepaskan diri dengan apa sahaja yang anda mahu. Ia membuatkan anda cuai dengan bagaimana cara anda menangani kebenaran dan menjauahkan anda dari kehidupan yang kudus dan menyenangkan Tuhan.

C. Berbohong Akan Dihukum

Kita dipanggil untuk menjadi jujur dan tidak bercakap bohong kerana:

1. Allah Benci Akan Dusta (Amsal 12:22; Bilangan 23:19)

- a. Pada pendapat anda, mengapakah Allah menghukum Ananias dan Safira? (*Biar mereka respon*)

- b. Dia menghukum mereka kerana mereka berbohong tentang harta yang telah mereka jual. (*Suruh mereka baca Amsal 12:22*)
- c. Mengapakah Allah benci akan pembohongan? (*Biar mereka respon*)
- d. Perhatikan bahawa Allah membenci bibir yang berdusta. Alkitab tidak menyatakan bahawa Allah membenci orang itu. Tetapi perbuatan berbohong itulah yang dibenci Allah.
- e. Allah adalah kebenaran dan berdusta secara jelasnya bertentangan dengan kebenaran. Berdusta bertentangan dengan sifat semulajadi Allah. (*Suruh mereka baca Bilangan 23:19*)
- f. Apabila kita berbohong, kita sedang melakukan sesuatu yang bertentangan dengan imej Allah yang mana kita telah diciptakan serupa denganNya.
- g. Sebab itulah Allah bersukacita terhadap sesiapa yang benar dan jujur kerana mereka menggambarkan imej Tuhan mereka.

2. Berbohong adalah Berdosa Terhadap Allah

(Kisah Para Rasul 5:3-4; Amsal 19:9)

- a. Petrus berkata apabila kita berbohong, secara tidak langsung kita berdusta kepada Allah, bukan kepada manusia. Sebenarnya, kita telah berdosa terhadap Allah sendiri.
- b. (*Suruh mereka baca Amsal 19:9*)
- c. Alkitab mengingatkan kita bahawa dosa berbohong tidak akan terlepas tanpa hukuman. Walaupun kita tidak dapat melihat hukumannya sekarang, kita akan dihakimi pada suatu tahap dalam kehidupan kita.
- d. Dalam kes Ananias dan Safira, hukumannya terlalu cepat. Pada pendapat anda, mengapakah ia sedemikian? (*Biar mereka respon*)
- e. Hal ini mungkin kerana Allah mahu gereja awal untuk diingatkan pada awal-awal lagi bahawa Dia inginkan kekudusan di antara mereka. Gereja harus memulakan sesuatu yang benar dan betul dari awal lagi sejak ia bermula.

3. Kita Harus Menjadi Seperti Yesus (Kolose 3:9)

- a. (*Suruh mereka baca Kolose 3:9*)
- b. (*Pastikan mereka menerangkan mengapa sebagai umat Allah kita tidak dipanggil untuk berbohong lagi*)

- c. Paulus mengingatkan kita agar tidak lagi hidup mengikut cara hidup kita yang lama. Kita telah menerima satu peribadi yang baru apabila kita percaya di dalam Yesus dan peribadi yang baru ini diperbaharui untuk menjadi sepertiNya.
- d. Oleh itu, sebagai ciptaan baru dalam Tuhan, anda harus menjalani kehidupan yang baru dan kudus yang bebas daripada cara hidup yang lama. Dan ini termasuklah meninggalkan perbuatan tidak jujur dan berbohong antara satu sama lain.
- e. Bolehkah anda memberi contoh yang menyatakan bahawa tidak apa-apa jika berbohong? (*Biar mereka respon*)
- f. Mungkin terdapat kes-kes berat di mana anda perlu berbohong untuk menyelamatkan diri atau seseorang daripada bahaya. Tetapi ini tidak termasuk berbohong tentang kepercayaan anda. Yesus telah berkata bahawa jika kita takut untuk mengaku sebagai pengikut-pengikut-Nya dan menyangkal Dia, maka Dia juga akan menyangkal kita di hadapan Bapa-Nya.
- g. Bagi sebahagian besar daripada kita, masalah utamanya bukan pembohongan yang dilakukan secara terang-terangan. Kebanyakan daripada kita tahu apa yang salah di mata Allah.
- h. Kebanyakan daripada kita bergelut dalam kategori pembohongan beralasan (*white lies*), memberi alasan, bercakap separuh benar dan menyembunyikan kebenaran. Jika anda mahu menjalani kehidupan yang menyenangkan Allah, anda harus secara sedar untuk berusaha menghentikan tabiat ini dalam kehidupan anda.
- i. Anda harus ingat bahawa sebagai ciptaan baru Allah, anda harus menjadi seperti-Nya. Dia hidup di dalam anda dan Dia mahu anda menjadi kudus kerana Dia adalah kudus.



Doa

Suruh mereka berdoa berdasarkan senarai yang mereka telah tuliskan. Berdoalah untuk mereka agar Tuhan membantu mereka untuk menghentikan tabiat suka berbohong.

Sesi 7: Satu Adalah Nombor Kesepian?



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa kesepian adalah secara dalaman merasa-kannya diri berkeseorangan.
2. Menyedari bahawa Allah selalu ada untuk mereka di kala mereka kesepian.
3. Memikirkan langkah-langkah praktikal untuk saling membantu antara satu sama lain bagi mengatasi kesepian.



Pencetus Minat

Bersendirian

Tujuan aktiviti adalah untuk membuatkan para peserta mengetahui bagaimana perasaan mereka apabila mereka bersendirian.

1. Terangkan kepada kumpulan bahawa anda mahu setiap daripada mereka pergi dan mencari sudut yang senyap untuk diri mereka sendiri.
2. Mereka tidak dibenarkan untuk berhubung dengan sesiapa pun walaupun dengan hubungan mata.
3. Beritahu mereka untuk menghabiskan masa 10 minit untuk bersendirian. Mereka tidak dibenarkan mempunyai apa-apa bersama mereka.
4. Minta mereka untuk tumpukan pada diri mereka semasa bersendirian. Mereka boleh duduk dan berfikir, berdoa, berangan atau apa-apa sahaja.
5. Selepas 10 minit, panggil mereka semula.
6. Bahagikan mereka kepada kumpulan yang terdiri daripada 4 atau 5 orang.
7. Minta mereka untuk berkongsi antara satu sama lain tentang apa yang terjadi dalam tempoh bersendirian tersebut, apa yang mereka lakukan dan bagaimana rasanya bersendirian.
8. Kemudian minta beberapa orang berkongsi buah fikiran dan pengalaman mereka secara sukarela dengan kumpulan.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Tidak mudah untuk bersendirian, berpuas hati dan damai dengan diri anda sendiri, bukan? (Biar mereka respon) Kebanyakan kita

- tidak mahu bersendirian jika kita ada kesempatan yang lain.
2. Adakah anda berasa sunyi apabila anda bersendirian? (*Biar mereka respon*)
 3. Adakah bersendirian sama seperti kesunyian? (*Biar mereka respon*)
 4. Kita selalu mengaitkan kesunyian dengan bersendirian. Tetapi anda boleh bersendirian dan tidak berasa sunyi.
 5. Anda boleh dikelilingi oleh ramai orang tetapi masih berasa kesepian. Anda boleh mempunyai saat yang menyeronokkan dan tetap merasakan sunyi di dalam diri anda.
 6. Kesepian lebih kepada apa yang anda rasakan di dalam diri anda.
 7. Kita boleh mengalami kesepian biarpun di tengah-tengah keseronokan atau aktiviti meriah yang berlaku di sekeliling kita.
 8. Sesi hari ini akan membantu anda berfikir sedalam-dalamnya tentang beberapa sebab kesepian dan bagaimana anda boleh menanganinya ketika anda berpaling kepada Allah.

B. Lebih daripada Bersendirian

1. Merasa Kesepian

- a. Kita selalu berfikir bahawa kesepian sama seperti dengan jika kita bersendirian.
- b. Dari **Aktiviti Bersama** tadi, kesepian lebih kepada hanya bersendirian. Ia adalah keadaan di mana anda berasa sunyi di dalam diri anda sendiri.
- c. Ia boleh disebabkan oleh suatu perasaan di mana anda merasa tidak difahami, tidak mempunyai hubungan yang rapat atau tidak diambil berat.
- d. Ini kemudiannya disertai dengan perasaan sedih yang mendalam, tidak diterima/ditolak, kekecewaan, dan lain-lain.
- e. Oleh itu, anda boleh bersama rakan-rakan tetapi tetap berasa kesepian kerana jauh di dalam hati anda merasakan bahawa mereka tidak memahami anda atau anda tidak boleh berhubung sedalam-dalamnya dengan mereka.
- f. Ada masanya anda bersendirian tetapi tidak berasa sepi kerana anda selesa dengan diri anda sendiri dan anda tahu bahawa ada orang yang mengambil berat tentang anda dan anda boleh berhubungan dengannya.

2. Sebab-sebab Kesepian Terjadi

- a. Banyak kali kita kesepian kerana kita merasakan tiada seorang pun yang benar-benar mengambil berat atau memahami kita. Kita merasakan bahawa kita hanya sendirian

- tanpa sebarang sokongan dan kasih sayang.
- b. Sebab kedua adalah kadang-kala kita kesepian kerana kita bosan dan tidak tahu bagaimana untuk menangani saat-saat kita bersendirian dan tidak tahu apa yang harus dilakukan.
 - c. Ini adalah kerana dalam zaman sekarang, kita dihiburkan secara terus-terusan sama ada dengan aktiviti atau dengan kebisingan. Ramai daripada kita yang tidak boleh hidup tanpa melakukan, melihat atau mendengar sesuatu.
 - d. (*Rujuk semula pada aktiviti pertama yang telah mereka lakukan*) Oleh itu, ramai daripada kita tidak tahu apa rasanya bersendirian tanpa melakukan sesuatu tetapi masih boleh berasa puas hati.
 - e. Sebab ketiga adalah Allah telah menjadikan kita makhluk yang suka berkawan, iaitu kita adalah makhluk yang dijadikan untuk perhubungan dan kita suka dikelilingi antara satu sama lain.
 - f. Kita sememangnya harus mempunyai perhubungan yang baik dan rapat, hidup dalam keluarga dan masyarakat dengan orang lain. Sebab itulah kita berasa kosong dan sepi apabila kita tidak mempunyai sesiapa di sekeliling kita atau tiada sesiapapun yang peduli tentang kita.
 - g. Bagaimana kita boleh belajar untuk menangani kesepian yang menyusup di dalam diri kita ini? Bagaimana kita menghadapi saat-saat apabila kita bersendirian secara fizikal?

C. Tidak Bersendirian

1. Penyebab-Penyebab

- a. Sebelum anda boleh belajar untuk menangani kesepian anda, mula-mula sekali anda harus mengetahui punca atau penyebab-penyebab kesepian anda.
- b. Terdapat banyak punca yang boleh menyebabkan anda kesepian:
 - i. Anda tidak mempunyai sesiapa yang boleh dianggap sebagai kawan-kawan rapat.
 - ii. Anda tidak berani membuka diri anda untuk merapati orang lain. Anda takut akan disakiti mungkin kerana pengalaman persahabatan anda yang gagal.
 - iii. Anda pernah mengalami pemutusan persahabatan yang mendalam dan anda berasa sangat kesepian pada waktu itu.
 - iv. Anda merasakan tiada sesiapa pun yang benar-benar mempedulikan anda termasuklah ahli keluarga anda.

- c. Dalam kes Daud, dia berasa sangat sepi dan takut kerana dia bersendirian. Semua orang meninggalkannya dan musuh-musuh mengejarnya. Dia merasakan tiada seorang pun mempedulikannya.
- d. Daud tahu punca kesengsaraan yang dialaminya. Dia ketakutan dan kesepian dan dia melihat dirinya seperti banduan kepada emosinya sendiri. (ayat 7)
- e. Jika anda menderita rasa kesepian yang sangat mendalam, fikirkan apakah punca-punca yang menyebabkan anda merasakan sedemikian.

2. Penawar

- a. Apakah harapan Daud untuk melepaskan diri dari penjara kesepian dan ketakutan? (*Biar mereka respon*)
- b. Satu-satunya penyelesaian Daud adalah Tuhan. Dia berpaling kepada Tuhan untuk mendapatkan pertolongan kerana dia tiada sesiapa yang mempedulikannya.
- c. Seperti Daud, sumber utama pertolongan datang daripada Allah kerana:
 - i. **Allah Tahu** (ayat 1-3)
 - Apa sahaja perasaan yang anda alami atau apapun situasi menyakitkan yang anda lalui, yakinlah bahawa Allah mengetahuinya. (ayat 3)
 - Seperti Daud, anda boleh berseru kepada-Nya dari dalam kesakitan anda. Anda boleh mengadu kepada-Nya tentang semua masalah anda yang berkaitan dengan kesepian.
 - Anda tidak perlu berasa bahawa Dia tidak dapat memahami anda. Alkitab memberitahu kita bahawa Dia tahu apa yang sedang anda lalui.
 - Terdapat banyak contoh di mana Yesus bersendirian kerana pengikut-pengikutNya tidak memahami-Nya. Semasa waktu tersebut, Allah merupakan sumber penghiburan-Nya kerana Allah tahu apa yang sedang dialami-Nya.
 - ii. **Allah Peduli** (ayat 4-5)
 - Berlainan dengan orang di sekeliling anda yang mungkin tidak ambil peduli (ayat 4), Alkitab meyakinkan kita bahawa Allah begitu mengambil peduli tentang anda. Dia tidak akan pernah menghamparkan dan meninggalkan anda sendirian.
 - Allah adalah tempat anda bernaung, sumber perlindungan dan kekuatan anda. Anda boleh

berpaling kepada-Nya untuk meminta kekuatan untuk meneruskan kehidupan anda walaupun anda kesepian.

- Allah juga adalah bahagian anda, iaitu Allah boleh memuaskan semua kerinduan yang paling mendalam anda. Bagi Yesus, akhirnya Allah yang dapat memberi-Nya kekuatan dan galakan yang Dia perlukan untuk meneruskan tugas-Nya hingga selesai walaupun sering kali Dia harus merasakan kesepian.

iii. Allah Melepaskan (yatay 6-7)

- Anda harus yakin bahawa Allah boleh membebaskan anda dari apa yang sedang anda alami saat anda menyerahkan diri anda ke dalam tangan-Nya.
 - Seperti Daud, bernaunglah dalam keyakinan bahawa Allah akan mengerjakan tujuan-Nya yang baik untuk kita.
 - Akan tiba masa bila Allah mungkin akan menunjukkan anda mengapa anda berasa kesepian. Ada aspek dalam kehidupan anda yang Allah mahu anda bekerja ke atasnya agar anda dapat memelihara hubungan dengan rakan-rakan anda.
 - Anda perlu meminta Dia untuk membantu anda menjadi patuh dan berusaha untuk bahagian anda.
- d. Kebanyakan masalah kita tentang kesepian berpunca daripada keperluan kita untuk mempunyai hubungan. Ingat bahawa walaupun anda mempunyai rakan-rakan baik dan selepas itu, mempunyai pasangan hidup yang baik, Allah tetap satu-satunya yang boleh memenuhi kehendak keperluan anda yang paling dalam untuk persahabatan dan percintaan.
- e. Tiada manusia yang benar-benar tahu bagaimana perasaan anda kecuali Allah sendiri. Oleh itu, belajarlah sekarang untuk mencari rasa puas hati anda di dalamNya.
- f. Ingat bahawa apabila anda berkeselorongan atau kesepian, Allah selalu ada untuk anda. Anda tidak pernah bersendirian.
- g. Hanya kerana kita sudah biasa dengan kebisingan dan rangsangan dari luar kita mendapati begitu sukar untuk menjadi diam dan menyedari kehadiran Allah dengan kita atau mendengar Dia berbicara kepada kita.
- h. Ada baiknya anda mengambil masa untuk tidak melakukan kebiasaan anda dan memilih untuk bersendirian tanpa apa-apa gangguan dari luar seperti yang telah anda lakukan dalam aktiviti awal tadi. Anda boleh menggunakan masa tersebut untuk menjadi diam secara dalaman dan belajar untuk bersama

dengan Allah: berbicara dengan-Nya, bersandar dalam kehadiranNya dan biarkan Dia berbicara dalam kesunyian waktunya tersebut.

- i. Oleh itu, anda tidak perlu berasa kesepian apabila anda bersendirian. Ia adalah satu tanda kemajuan yang bertumbuh apabila anda boleh berpuas hati dan diam di dalam kehadiran Allah biarpun anda bersendirian.



Doa

Suruh mereka berdoa satu sama lain atas apa yang telah dikongsikan hari ini. Berdoa semoga Tuhan mengajar mereka untuk mencari kepuasan hati di dalam-Nya dan sedar bahawa Dia selalu ada bersama mereka terutama sewaktu mereka kesepian.

Sesi 8: Adakah Saya Buta Warna?



Objektif-Objektif Sesi

1. Memahami bahawa semua orang, tidak mengira bangsanya, diciptakan menurut rupa Allah dan oleh itu semuanya sama di mataNya.
2. Mempelajari bahawa Allah meminta mereka untuk melayan orang daripada bangsa lain dengan penuh kasih dan hormat serta tanpa prasangka.
3. Membincangkan perasaan mereka terhadap orang daripada bangsa lain dan kenapa mereka berperasaan sedemikian.
4. Memikirkan bagaimana mereka boleh berusaha dalam mengubah sikap mereka dan langkah yang boleh mereka ambil untuk menangani prasangka mereka.



Pencetus Minat

Mata Kuning?

(Bahan yang diperlukan: Gambar-gambar, kertas dan pensel)

Tujuan aktiviti ini adalah untuk membuatkan para peserta mengetahui beberapa prasangka yang wujud dalam diri mereka terhadap pelbagai jenis orang.

1. Anda memerlukan beberapa persiapan sebelum aktiviti ini dijalankan. Cari di dalam majalah atau surat khabar untuk gambar-gambar kumpulan orang yang berbeza yang biasanya mencetuskan stereotaip atau reaksi prasangka.
2. Sebagai contoh, anda boleh menggunakan gambar-gambar penagih dadah, pengemis, model, atlet, orang yang kelihatan tegas, dan lain-lain.
3. Pilih kira-kira sepuluh jenis gambar untuk ditunjukkan.
4. Bahagikan mereka kepada kumpulan yang terdiri daripada empat atau lima orang.
5. Edarkan sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap orang yang hadir.
6. Terangkan kepada mereka bahawa anda akan menunjukkan mereka rentetan gambar-gambar, satu gambar pada satu-satu masa.
7. Minta mereka menuliskan perasaan atau sangkaan pertama yang muncul dalam fikiran mereka tentang orang di gambar tersebut.
8. Setelah mereka selesai, tunjukkan kesemua gambar itu sekali lagi dan minta mereka memilih dua orang dalam gambar yang mereka

yang mereka rasakan sangat tidak selesa dengan mereka.

9. Pastikan mereka berkongsi mengenai reaksi mereka terhadap gambar-gambar itu di dalam kumpulan mereka. Minta mereka untuk turut menerangkan mengapa mereka memilih orang-orang dalam gambar tersebut tetapi bukan yang lain.
10. Pastikan beberapa orang daripada mereka berkongsi dengan semua ahli kumpulan tentang reaksi mereka dan sebab-sebab mereka memilih orang-orang tersebut.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Kesemua anda tampil dengan reaksi berbeza terhadap orang-orang berlainan yang anda lihat di dalam gambar.
2. Apakah yang membuatkan kita bereaksi sebegitu terhadap orang-orang yang berlainan atau jenis-jenis manusia yang berbeza? (*Biar mereka respon*)
3. Sering kali kita mempunyai pendapat tentang manusia atau benda-benda berdasarkan apa yang kita baca atau dengar tentang mereka.
4. (*Rujuk pada reaksi mereka terhadap pelbagai manusia dalam gambar. Pastikan mereka memeriksa untuk melihat jenis orang yang manakah yang sebenarnya telah mereka jumpai secara berdepan untuk mewajarkan reaksi mereka*)
5. Dan apabila kita berbuat demikian, kita sering kali membuat pendapat yang berat sebelah sama ada untuk orang itu mahupun bertentangan dengan orang itu.
6. Prasangka bermaksud membentuk pendapat yang tidak adil dan tidak menyenangkan tanpa mempunyai sangkaan yang jelas atau tanpa mempunyai pengetahuan yang jelas tentang sesuatu.
7. Prasangka wujud pada setiap peringkat, bukan sahaja dalam masyarakat kita tetapi juga dalam semua kebudayaan seluruh dunia. Ia adalah masalah sejagat dan oleh itu ia merupakan isu penting yang harus diberi perhatian sebagai umat Allah.
8. (*Pastikan mereka menamakan contoh prasangka berbeza yang mereka sedari*)
9. Satu bentuk prasangka tertentu adalah berkenaan bangsa-bangsa berbeza. Ia dipanggil perkauman.
10. Entah kenapa dalam setiap kaum, ada tertanam sikap yang merendahkan bangsa yang lain. Setiap bangsa nampaknya berfikir bahawa bangsa mereka lebih baik daripada bangsa lain.

11. Satu contoh, orang Cina purba sering menganggap mereka lebih baik daripada bangsa lain. Mereka memanggil negara mereka "Kerajaan Tengah", pusat bagi semua tamadun. Apabila orang-orang asing datang ke China, mereka akan memandang rendah terhadap orang-orang asing tersebut dan memanggilnya 'hantu asing'.
12. Dalam sesi hari ini, kita mahu menangani isu penting tentang prasangka dalam kaum dan melihat bagaimana kita sebagai umat Allah, harus melayan orang lain dengan hormat dan penuh martabat kerana Allah menciptakan kita semua sama.

B. Siapa Yang Buta Warna?

1. Banyak sebab mengapa kita merasakan ada penyisihan daripada orang yang dari bangsa yang lain.
2. Kadang-kala ia disebabkan oleh keangkuhan kita. Hal ini khasnya benar dalam generasi ibu bapa kita. Mereka memandang rendah terhadap bangsa lain kerana mereka menganggap orang-orang itu rendah darjat jika dibandingkan dengan mereka, terutamanya jika orang daripada bangsa tersebut lebih miskin atau mempunyai kelas sosial yang lebih rendah. (*Rujuk pada apa yang mereka telah bangkitkan dan apa yang sedang terjadi dalam masyarakat*)
3. Sering kali anda terdorong untuk mengambil sifat ibu bapa anda tanpa menyadarinya.
4. Kita juga mungkin membesar di dalam masyarakat kita yang suka memanggil bangsa lain dengan nama-nama yang kurang baik, berdasarkan warna kulit mereka atau pekerjaan yang biasa mereka lakukan.
5. Kadang-kala ia disebabkan oleh pemberian hak istimewa yang lebih kepada bangsa-bangsa lain dan kita bereaksi terhadap ketidakadilan dan ketidaksaksamaan ini. Ini akan membawa kepada banyak perasaan yang menyakitkan dan menggeramkan terutamanya kepada generasi yang lebih tua. Sikap-sikap mereka kemudiannya akan diwariskan kepada anda.
6. Disebabkan perasaan ini, ramai antara kita menghadapi kesukaran untuk menerima seseorang daripada bangsa itu dan menjangkau mereka dengan kasih dan rasa bertimbang rasa.
7. Sesetengah perkara tidak dapat kita ubah dan bertanggung-jawab ke atasnya, seperti dasar penguatkuasaan kerajaan, atau sifat bangsa-bangsa lain terhadap kita, dan lain-lain.
8. Walau bagaimanapun, kita boleh bertanggungjawab ke atas bagaimana kita bertindak atau memberi reaksi terhadap

mereka.

9. Bagaimana Yesus akan bertindak balas dalam situasi kita terutamanya dalam kes-kes di mana kita berasa telah didiskriminasikan oleh bangsa atau bangsa-bangsa lain?

C. Melebihi Daripada Warna Kulit

1. Tujuan Asal Allah (Kejadian 1:27)

- a. Allah menciptakan semua lelaki dan perempuan mengikut rupa-Nya menurut Kejadian 1:27.
- b. Hal ini bermakna semua orang adalah sama di mata Allah kerana mereka diciptakan untuk menjadi sama seperti-Nya.
- c. (*Bacakan Galatia 3:28 untuk mereka*). Ia tidak mengira sama ada orang itu berlainan jantina, berlainan bangsa, atau mempunyai status yang berbeza dalam masyarakat.
- d. Pada mata Allah, semua orang adalah sama dan sama nilainya pada Dia. Dia mencipta kita dan Dia mengasihi setiap seorang daripada kita.

2. Tujuan Allah Berterusan (Bilangan 15:15-16)

- a. Walaupun Allah telah mengasingkan keturunan Abraham untuk menjadi bangsa pilihan-Nya, Dia tidak bersifat berat sebelah terhadap mereka dan sebagai hasilnya melayani orang lain dengan cara yang berbeza.
- b. Dia mengingatkan orang-orang Israel bahawa hukum-hukum yang sama diaplikasikan bagi bangsa-bangsa lain yang memilih untuk hidup bersama mereka. Tiada prasangka dan diskriminasi terhadap orang daripada bangsa-bangsa lain.
- c. Dia menganggap setiap orang, sama ada orang Yahudi ataupun orang asing, adalah sama di mata-Nya.
- d. Ini adalah peringatan penting bagi orang-orang Israel kerana dalam dosa, mereka menjadi angkuh dengan siapa diri mereka dan memandang rendah terhadap bangsa lain di sekeliling mereka.
- e. Kerana keangkuhan kita, amat mudah bagi kita untuk memandang rendah dan mendiskriminasikan orang daripada bangsa-bangsa lain kerana mereka berbeza daripada kita dan tidak menepati janjiakan kita.

3. Tujuan Penyelamatan Allah (Roma 10:11-13)

- a. Kita dapat melihat kasih Allah untuk semua manusia melalui penyelamatan manusia oleh-Nya melalui Yesus Kristus.
- b. Paulus mengingatkan kita bahawa Allah mengasihi semua orang secara sama rata. Dia juga adalah Allah yang sama

yang telah memberikan AnakNya Yesus untuk mati bagi setiap daripada kita, tanpa melihat bangsa atau keturunan kita.

- c. Oleh itu, kita perlu belajar untuk melihat orang-orang melalui mata Tuhan dan di sebalik warna kulit mereka.
- d. Kita harus menerima dan mengasihi mereka sama seperti Allah mengasihi kita tidak kiralah macam mana sekalipun cara mereka berkelakuan terhadap kita.
- e. Kita tidak seharusnya melayani mereka secara berat sebelah atau memandang rendah terhadap mereka tetapi kita harus memberikan mereka penghormatan daripada belas kasihan yang Yesus berikan kepada mereka. Allah memanggil kita untuk hidup aman bersama masyarakat di sekitar kita.
- f. (*Suruh mereka baca Roma 12:16-18*) Walaupun mereka mungkin berprasangka terhadap kita, kita tidak harus membalaunya kembali. Sebagai anak-anak Tuhan, kita tidak boleh membayar kejahanatan dengan kejahanatan. Jika kita lakukan juga, mereka tidak akan melihat kasih penyelamatan Allah dalam kehidupan kita.



Doa

1. Berdasarkan dengan apa yang telah dikongsikan, kenal pastikan pelbagai perkara yang boleh didoakan. Sebagai contoh, bangsa tertentu, sifat-sifat umum, sifat-sifat generasi terdahulu, pergelutan terhadap ketidakadilan, respon masyarakat Kristian, dan lain-lain. Pilih kumpulan-kumpulan berbeza untuk berdoa bagi setiap keperluan yang berlainan.
2. Serahkan setiap orang dan seluruh komuniti Kristian di dalam negara ini kepada Tuhan. Berdoalah agar Dia akan terus mengajar umat-Nya untuk melihat di sebalik warna kulit dan belajar untuk mengasihi dan menerima orang-orang daripada bangsa berlainan agar kita boleh menjadi saksi-Nya yang benar.

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

'Ada empat kategori utama untuk siri OBOR ini: *Asas-asas Iman, Kehidupan dalam Kristus, Isu-Isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematis, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.'

Buku yang kedua puluh, "**Pengikut Kristus Harus Berbeza!**" membincangkan tentang tanda-tanda yang membezakan orang Kristian daripada yang lain. Dalam cara apakah kita harus menjalani kehidupan Kristian kita supaya apabila orang lain melihat kita, mereka akan yakin bahawa Kristus itu hidup dan nyata dalam kehidupan kita? Bagaimana pula sikap kita tentang pengorbanan, pengampunan dan dendam? Menjadi seorang Kristian tidak bererti kita bebas daripada semua masalah dan cabaran kehidupan dunia. Jadi bagaimanakah kita menghadapi kerisauan dan kesepian? Apakah sikap yang harus kita ambil untuk masalah berbohong, terutamanya berbohong kerana memberi alasan yang kedengaran seperti sebuah kebenaran? Apa pula yang harus kita lakukan dengan sikap prasangka perkauman yang lumrah bahkan di kalangan orang Kristian?

"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Pr. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiap dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematis, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)